

**Kerajaan Arab Saudi Kementerian Pendidikan Tinggi
Universiti Islam Madinah Jabatan Kajian Ilmiah
Bahagian Terjemahan.**

RUKUN IMAN

Disediakan Oleh:

Jabatan Kajian Ilmiah

Universiti Islam Madinah.

(Bahasa Malaysia) Alih Bahasa:

Abdul Basit Bin Abdul Rahman.

Madinah. 1422H.

(dengan sedikit ubahsuai oleh www.darul kautsar.net)

KANDUNGAN

Muka surat

RUKUN IMAN

RUKUN PERTAMA: BERIMAN KEPADA ALLAH

(1) Tahkik (Perlaksanaan)Nya.	9-11
Iktikad (kepercayaan) ini tertegak di atas dua asas yang utama	11-13
Perkara yang perlu diambilkira dalam mengisbatkan nama-nama Allah yang indah	13-15
Perkara yang perlu diambilkira dalam mengisbat sifat-sifat Allah	15-18
Kepentingan Tauhid	18
Tahkik (perlaksanaan) Tauhid	18-20
Perkara yang bertentangan dengan tauhid ialah syirik	20-21
(2) Pengertian Ibadat	21
Tidak sah sesuatu ibadat kecuali dibina di atas dua Landasan	21-22
'Ubudiyyah (Perhambaan) yang sempurna tidak akan terlaksana kecuali dengan dua perkara	22-23
(3) Dalil-Dalil Serta Tanda Keesaan Allah.	23-26

RUKUN KEDUA: BERIMAN DENGAN MALAIKAT

(1) Pengertian	27-28
Kedudukan beriman kepada Malaikat di sisi agama serta hukumnya.	28
(2) Cara beriman dengan Malaikat	28
Beriman dengan malaikat secara umum	28-29
Beriman dengan malaikat secara terperinci	30

Bilangan Malaikat	30-31
Nama-nama Malaikat	31
Sifat-sifat Malaikat	32-33
Tugas-tugas Malaikat	33-35
Tugas-tugas Malaikat	35
3) Natijah beriman dengan Malaikat.	35-36

RUKUN KETIGA: BERIMAN DENGAN KITAB

(1) Hakikat beriman dengan kitab-kitab	37-38
(2) Hukum beriman dengan kitab	38-39
(3) Keperluan manusia kepada kitab (petunjuk) dan hikmah daripada penurunannya	39
(4) Cara beriman dengan kitab-kitab	39-41
(5) Menerima khabar (berita) kitab-kitab terdahulu	41-42
(6) Kitab-kitab yang diturunkan dari langit yang disebut di dalam Al-Quran dan As-Sunnah	42-45

RUKUN KEEMPAT: BERIMAN DENGAN RASUL

(1) Beriman dengan Rasul-rasul ' <i>alaihimussalam</i>	46-47
(2) Hakikat kenabian (<i>An-Nubuwwah</i>)	47-48
(3) Hikmah diutuskan Rasul	48-49
(4) Tugas-tugas Rasul	49-51
(5) Islam ialah agama semua Nabi	51
(6) Rasul-rasul adalah manusia biasa, mereka tidak mengetahui perkara yang ghaib	51-52
(7) ' <i>Isma</i> h (pemeliharaan) Rasul	52-53
(8) Bilangan Nabi dan Rasul serta yang terafdhal di kalangan mereka	53-56
(9) Mukjizat / Tanda-tanda kebenaran Nabi-nabi ' <i>Alaihimussalam</i>	56-57
Tidak sempurna beriman dengan Rasulullah s.a.w. kecuali dengan melakukan perkara-perkara berikut	57-64

RUKUN KELIMA: BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT

(1) Beriman dengan Hari Akhirat	65-66
(a) Tanda-tanda kecil	66
(b) Tanda-tanda kiamat yang besar	66-69
(2) Sifat beriman dengan Hari Akhirat	69-70
Pertama: Fitnah kubur	70
Kedua: Azab kubur dan nikmatnya	70-71
Ketiga: Tiupan Sangkakala	71-72
Keempat: Kebangkitan	72-74
Kelima: Perhimpunan, perhitungan dan Pembalasan	74-76
Keenam: Beriman dengan kolam Nabi s.a.w	76-77
Ketujuh: Syafaat	77-80
Kelapan: Neraca timbangan amalan	80-81
Kesembilan: Titian Sirat Al-Mustaqim	82-84
Kesepuluh: "Qantarah" Perhentian di antara Syurga dan Neraka	84
Kesebelas: "Al-Jannah" Syurga dan "An-Nar" Neraka	84-86
(3) Natijah beriman dengan Hari Akhirat	86-87

RUKUN KEENAM: BERIMAN DENGAN QADAR

(1) Pengertian Qadar dan kepentingan beriman dengannya	88
(2) Martabat Qadar	88-90
(3) Bahagian-bahagian Takdir (ketentuan)	90-91
(4) Aqidah salaf dalam masalah Qadar	91-92
(5) Perbuatan Hamba	92-93
(6) Penyatuan makna di antara ciptaan Allah dan perbuatan hamba	93-94
(7) Kewajipan hamba terhadap Qadar	94-95
(8) Redha dengan Qada' dan Qadar	95-96
(9) Hidayat terbahagi kepada dua jenis	96-97
(10) <i>Iradah</i> . Kehendak menurut kitab Allah terbahagi kepada dua jenis	97-98

(11) Sebab-sebab yang boleh menolak Qadar (ketentuan)	99
(12) Masalah Qadar merupakan rahsia Allah terhadap makhlukNya	99
(13) Hukum berhujjah dengan Qadar	100-101
(14) Mengambil Sebab (yang menyelamatkan)	101-102
(15) Hukum mengingkari Qadar	103
(16) Natijah beriman dengan Qadar	103-104

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

RUKUN IMAN

lalah: Beriman kepada Allah, Malaikat-malaikatNya, Kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya dan Hari Akhirat serta Qadar (untung) baik mahupun buruk.

Firman Allah Taala:

“Tetapi kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, Hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab dan nabi-nabi”. (Surah Al-Baqarah, ayat 177).

Firman Allah Taala:

“Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya. Mereka berkata: Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari rasul-rasulNya”. (Surah Al-Baqarah, ayat 285).

“Sesungguhnya Kami menciptakan setiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)”. (Surah Al-Qamar, ayat 49).

Sabda Rasulullah s.a.w:

((الإِيمَانُ أَنْ تَوْمَنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكِتَابِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتَوْمَنَ بِالْقَدَرِ خَيْرٌ وَشَرُّهُ)) . [رواه مسلم] .

“Iman itu ialah: Engkau beriman dengan Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan Hari Akhirat serta Qadar (untung) baik dan yang tidak baik”. (Hadis riwayat Muslim).

Iman itu: Pengucapan dengan lidah, iktikad (percaya) dengan hati dan beramal dengan anggota, iman bertambah dengan

melakukan ketaatan serta berkurangan dengan sebab melakukan maksiat.

Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut (nama) Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, maka bertambah iman mereka dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. Orang-orang yang mendirikan solat dan yang mendermakan sebahagian daripada rezeki yang kami kurniakan kepada mereka, merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan mendapat pangkat-pangkat yang tinggi di sisi Tuhan mereka dan keampunan serta limpah kurnia yang mulia (syurga)". (Surah Al-Anfal, ayat 2-4).

Firman Allah Taala:

"Sesiapa yang kufur kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya". (Surah An-Nisa', ayat 136).

Iman dengan lidah adalah seperti zikir, doa, amar makruf nahi mungkar, membaca Al-Quran dan seumpamanya.

Manakala iman dengan hati adalah seperti iktikad (percaya) kepada keesaan Allah dalam *Rububiyyah* (kekuasaan)Nya, *Uluhiyyah* (ketuhanan)Nya, nama-namaNya, sifat-sifatNya dan wajib menyembahNya dengan tidak ada sekutu bagiNya serta semua perkara yang berkaitan dengannya daripada niat dan *maqasid* (tujuan).

Termasuk juga dalam takrifan iman ialah amalan-amalan hati, seperti cintakan Allah, takutkanNya, sentiasa kembali kepadaNya, bertawakkal kepadaNya dan sebagainya.

Juga termasuk dalam kategori Iman, amalan-amalan yang dilakukan oleh anggota, antaranya: solat, puasa, semua Rukun Islam yang lain, berjihad pada jalan Allah, menuntut ilmu dan lainnya.

Firman Allah Taala:

“Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, maka bertambah iman mereka”. (Surah Al-Anfal, ayat 2).

Firman Allah Taala:

“(Dialah Tuhan yang membuka jalan kemenangan itu) Dialah yang menurunkan ketenangan ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya keimanan dan keyakinan mereka bertambah di samping keimanan dan keyakinan mereka yang telah sedia ada.” (Surah Al-Fath, ayat 4).

Iman itu bertambah apabila bertambahnya ketaatan dan pendekatan diri seseorang kepada Allah dan iman akan berkurang apabila kurang amalan dan pendekatan diri seseorang kepada Allah, demikian juga dengan maksiat, ia akan memberi kesan kepada kesempurnaan iman. Apabila perbuatan syirik yang besar atau perbuatan kufur yang besar dilakukan maka terungkailah asas iman menurut syarak dan terbatallah iman seseorang itu, manakala sekiranya perbuatan syirik kecil dilakukan maka ianya merosakkan kesempurnaan iman yang wajib atau mengeruhkan kemurniannya serta melemahkannya.

Firman Allah Taala:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik (mempersekutukan)Nya (dengan sesuatu yang lain) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya”. (Surah An-Nisa', ayat 48).

Firman Allah Taala:

"Mereka bersumpah dengan nama Allah bahawa mereka tidak mengatakan (sesuatu yang buruk terhadapmu), padahal sesungguhnya mereka telah mengatakan kufur dan mereka pula menjadi kafir sesudah (melahirkan) Islam". (Surah At-Taubah, ayat 74).

Sabda Nabi s.a.w:

((لا يزني الزاني حين يزني وهو مؤمن، ولا يسرق السارق حين يسرق وهو مؤمن، ولا يشرب الخمر حين شربها وهو مؤمن)) . [متفق عليه].

"Tidak berzina seorang penzina ketika melakukan zina dalam keadaan dia beriman, tidak mencuri seorang pencuri ketika mencuri dalam keadaan dia beriman dan tidak minum arak seseorang ketika meminumnya dalam keadaan dia beriman".

(Hadis *Muttafaq 'Alaih*: Al-Bukhari dan Muslim).

RUKUN PERTAMA: BERIMAN KEPADA ALLAH

Video Syarah Rukun Iman – Beriman Kepada Allah
<http://tinyurl.com/ny5ryyc>

(1) TAHKIK (PERLAKSANAAN)NYA.

Beriman kepada Allah ‘Azza Wajalla akan terlaksana dengan melakukan perkara-perkara berikut:

Pertama: Iktiqad (percaya) bahawa alam ini mempunyai Pencipta yang satu, Esa dalam penciptaanNya, kerajaanNya, pentadbiranNya, mengatur keadaannya, memberi rezeki, kuasa, melakukan sesuatu, menghidupkan, mematikan, memberi manfaat dan mudharat yang tiada tuhan selain dariNya.

Melakukan segala perkara dengan keesaanNya dan menghukum dengan hukuman yang dikehendakiNya, memuliakan sesiapa yang dikehendaki dan menghina sesiapa yang dikehendaki, di tanganNya kekuasaan langit dan bumi dan Dia berkuasa ke atas semua perkara, mengetahui semua perkara, terkaya dari semua makhluk, bagiNya segala urusan, di tanganNya segala kebaikan, tidak ada sekutu dalam perbuatanNya, tidak ada yang boleh mengatasi semua urusanNya bahkan semua makhluk termasuk malaikat, manusia dan jin adalah hambaNya, tidak ada yang mampu keluar dari kerajaan, kekuasaan dan kehendakNya Yang Maha Suci.

PerbuatanNya tidak terhad, tidak terbilang banyaknya, semua keistimewaan tersebut adalah kepunyaan Allah, tidak ada sekutu bagiNya, tidak berhak seorang pun selain daripadaNya dan tidak

harus menisbahkan atau mengisbatkan sesuatu darinya kepada pencipta yang lain daripada Allah 'Azza Wajalla.

Firman Allah Taala:

“Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta segala isinya) seperti bangunan (yang dibina dengan kukuhnya) dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu”. (Surah Al-Baqarah, ayat 21-22).

Firman Allah Taala:

“Katakanlah (wahai Muhammad), wahai Tuhan Yang Mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu”. (Surah Ali 'Imran, ayat 26).

Firman Allah Taala:

“Dan tiadalah sesuatupun daripada makhluk-makhluk yang bergerak di atas muka bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam kitab (*Lauh Mahfuz*) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan)”. (surah Hud, ayat 6).

Firman Allah Taala:

"Ingatlah, bagi Allah jualah segala urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang menciptakan dan mentadbirkan sekalian alam". (Surah Al-A'raf, ayat 54).

Kedua: Beriktikad (percaya) dengan keesaan Allah 'Azza Wajalla dengan nama-nama yang seindah-indahnya dan sesempurna sifat-sifat yang diperkenalkan kepada hamba-hambaNya yang sebahagiannya terdapat dalam kitabNya (Al-Quran) atau Sunnah Nabi yang terakhir dan RasulNya Muhammad s.a.w.

Firman Allah Taala:

"Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia) oleh itu serukanlah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu dan tinggalkanlah orang-orang yang berpaling daripada kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. Mereka akan mendapat balasan daripada perbuatan yang telah mereka kerjakan". (Surah Al-A'raf, ayat 180).

Sabda Nabi s.a.w:

((إن لله تسعة وتسعين اسماً، من أحصاها دخل الجنة، وهو وتر يحب الوتر)). [متفق عليه].

"Sesungguhnya bagi Allah 99 nama. Sesiapa yang menghitungnya masuk syurga. Dan Allah adalah *witir* (tunggal) dan Dia suka kepada *witir* (bilangan ganjil)". (*Muttafaq 'Alaih*: Al-Bukhari dan Muslim).

Iktikad (kepercayaan) ini tertegak di atas dua asas yang utama:

Pertama: Sesungguhnya Allah mempunyai nama-nama yang indah dan sifat-sifat yang tinggi yang menunjukkan atas sifat-sifat yang sempurna, tidak ada sesuatupun kekurangan padaNya dalam semua perkara, tidak menyerupaiNya oleh sesuatu dan tidak ada yang menyengutuiNya sesuatu daripada makhlukNya.

Sebahagian daripada namaNya “Al-Hayyu” (Yang Maha Hidup) dan Dia mempunyai sifat “Hayat” (hidup) yang wajib disabitkan kepada Allah dengan sesempurnanya menurut yang layak bagiNya. Hidup ini ialah hidup yang sempurna dan abadi, berhimpun padanya semua jenis kesempurnaan yang terdiri daripada ilmu, kudrat dan lainnya, tidak pernah didahului oleh tiada dan tidak akan diikuti oleh fana (kemusnahan).

Firman Allah Taala:

“Allah, tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, Yang tetap hidup, kekal mentadbir (sekalian makhluk) selama-lamanya. Yang tidak mengantuk usahkan tidur”. (Surah Al-Baqarah, ayat 255).

Kedua: Sesungguhnya Allah Taala suci daripada semua sifat kekurangan dan semua cacat cela, seperti tidur, lemah, jahil, zalim dan lainnya, demikian juga Allah Taala suci daripada sebarang bentuk persamaan dengan semua makhluk, maka wajib dinafikan semua perkara yang Allah nafikan daripada diriNya dan dinafikan oleh Rasulullah s.a.w daripada Tuhannya serta beriktikad bahawa Allah bersifat dengan sempurna, bercanggah dengan segala sifat yang dinafikan daripadanya.

Apabila kita menafikan daripada Allah sifat mengantuk dan tidur bererti kita telah mengisbatkan kepadanya sempurna kekuasaanNya dan dengan menafikan sifat tidur bererti kita mengisbatkan kepadanya sempurna hidup, demikianlah semua sifat yang dinafikan daripada Allah U ianya mengandungi isbat sifat kesempurnaan di sebaliknya, Dialah Yang Maha Sempurna dan selain daripadanya adalah bersifat kurang.

Firman Allah Taala:

“Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”. (Surah Asy-Syura, ayat 11).

Firman Allah Taala:

“Dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim terhadap hambaNya”. (Surah Fussilat, ayat 46).

Firman Allah Taala:

“Dan (sudah tetap) bahawa kekuasaan Allah tidak dapat dilemahkan atau dihalangi oleh sesuatupun sama ada di langit atau di bumi, sesungguhnya Dia Amatlah Mengetahui lagi Amat Berkuasa”. (Surah Fathir, ayat 44).

Firman Allah Taala:

“Dan tiadalah Tuhanmu itu lupa”. (Surah Maryam, ayat 64).

Beriman dengan nama-nama Allah, sifat-sifatNya dan perbuatanNya merupakan satu-satunya jalan untuk mengenali Allah dan beribadat kepadaNya, kerana Allah tidak dapat dilihat oleh makhluk semasa hidup di dunia dengan penglihatan mata maka dibuka bagi mereka pintu ilmu yang membolehkan mereka mengenali Tuhan, ‘*Ilah*’ yang mereka sembah, mereka menyembahNya berdasarkan pengetahuan yang sahih lagi sempurna, seorang hamba menyembah Tuhan yang telah disifatkan, sebaliknya (*al-mu’attil*) orang yang tidak percaya kepada sifat-sifat Allah menyembah sesuatu yang tiada dan (*al-mumassil*) orang yang menyamakan Allah dengan makhluk menyembah berhala. Seorang muslim menyembah Allah Yang Esa, Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk, Yang tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak ada sesiapaupun yang setara denganNya.

Dalam mengisbatkan nama-nama Allah yang indah perkara-perkara berikut perlu diambil kira:

1- Beriman dengan sabitnya semua nama-nama Allah yang indah yang tersebut dalam Al-Quran dan As-Sunnah dengan tidak menambah atau mengurangkannya.

Firman Allah Taala:

“Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, Yang Menguasai (sekalian alam), Yang Maha Suci, Yang Maha Selamat

Sejahtera (daripada segala kekurangan), Yang Maha Melimpahkan Keamanan, Yang Maha Pengawal serta Pengawas, Yang Maha Kuasa, Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya), Yang Melengkapi segala KebesaranNya. Maha Suci Allah daripada segala yang mereka sekutukan denganNya". (Surah Al-Hasyr, ayat 23).

Telah sabit dalam As-Sunnah bahawa Nabi s.a.w telah mendengar seorang lelaki berkata:

"اللهم إني أسألك بأن لك الحمد، لا إله إلا أنت، المنان، بديع السموات والأرض، يا ذا الجلال والإكرام، يا حي يا القيوم".

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada Engkau bahawasanya bagiMu segala puji-pujian dan tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Yang Mengasihani, Yang Mencipta langit dan bumi, Yang Memiliki Kebesaran dan Kemurahan, Yang Maha Hidup lagi Maha Mengawasi".

فقال النبي r : ((تدرون بما دعا الله ؟ قالوا: الله ورسوله أعلم. قال: والذي نفسي بيده لقد دعا الله باسمه الأعظم الذي إذا دُعي به أجاب، وإذا سُئِلَ به أعطى)) . [رواه أبو داود وأحمد].

Sabda Nabi s.a.w.: "Kamu tahukah apa yang beliau doakan kepada Allah?" Jawab sahabat: 'Hanya Allah dan RasulNya yang mengetahui'. Sabdanya: "Demi Allah Yang diriku dikuasai tanganNya, sesungguhnya dia telah berdoa kepada Allah dengan namaNya yang agung sekiranya didoakan dengannya maka dikabulkanNya dan jika dipinta dengannya maka diberikanNya". (H.R. Abu Daud dan Ahmad).

2- Beriman bahawa Allah Taala yang menamakan diriNya dan bukan dinamakan oleh seorang pun daripada makhlukNya, Dialah 'Azza Wajalla yang telah memuji diriNya dengan nama-nama ini, bukan nama yang baru dijadikan.

3- Beriman bahawa nama-nama Allah yang indah itu menunjukkan pengertian yang cukup sempurna, yang tidak ada sebarang kekurangan padanya, maka wajib beriman dengan

semua pengertian yang tersebut sepertimana wajib beriman dengan semua nama-namaNya.

4- Wajib menghormati pengertian yang terkandung dalam nama-namaNya dan jangan sekali-kali melakukan sebarang perubahan dan menafikannya.

5- Beriman dengan semua tuntutan yang terkandung dalam nama-namaNya yang terdiri daripada hukum-hukum dan perkara yang bersangkutan dengannya daripada perbuatan dan kesan-kesannya.

Untuk penjelasan kepada lima perkara di atas kami bawakan contoh satu nama Allah iaitu As-Sami' (السميع) "Yang Maha Mendengar", maka wajib diambil kira perkara-perkara berikut:

- a- Beriman dengan sabitnya nama As-Sami' السميع sebagai salah satu daripada nama-nama Allah Al-Husna, kerana ianya disebut dalam Al-Quran dan As-Sunnah.
- b- Beriman bahawa Allah yang telah menamakan diriNya dengan nama tersebut dan berkata dengannya serta menurunkannya dalam kitabNya yang mulia (Al-Quran).
- c- Beriman bahawa "As-Sami'" mengandungi erti 'mendengar' yang merupakan salah satu daripada sifat-sifatNya.
- d- Wajib menghormati sifat 'mendengar' yang telah menunjukkan ke atasnya nama "As-Sami'" dan tidak mengubah ertinya atau menafikannya.
- e- Beriman bahawa Allah mendengar segala sesuatu dan pendengarannya meliputi semua suara serta beriman dengan kesan beriman bahawa Allah Taala itu Maha Mendengar. Antara kesan-kesan tersebut ialah wajib mengetahui pemerhatian Allah ke atas dirinya, takutkanNya serta gerun kepadaNya dengan penuh

keyakinan bahawa tidak ada sesuatupun yang tersembunyi daripada pendengaran Allah s.w.t.

Dalam mengisbat sifat-sifat Allah, perkara-perkara berikut perlu diambil kira:

- 1- Isbat semua sifat-sifat yang tersebut dalam Al-Quran dan As-Sunnah bagi Allah Taala secara hakiki dengan tidak melakukan sebarang perubahan atau menafikannya.
- 2- Iktikad yang tetap bahawa Allah Taala bersifat dengan sifat-sifat yang sempurna dan suci daripada semua sifat-sifat kekurangan atau cacat cela.
- 3- Tidak membuat persamaan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat semua makhluk, kerana Allah s.w.t. tiada sesuatupun yang sebanding dengan sifat-sifatNya atau perbuatanNya.

Firman Allah Taala:

"Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat". (Surah Asy-Syura, ayat 11).

- 4- Putus asa sepenuhnya daripada cuba mengetahui *kaifiat* (bagaimana) sifat-sifat Allah, kerana tidak mengetahui bagaimana sifat-sifat Allah selain daripadaNya, kerana tidak ada jalan bagi makhluk untuk mengetahuinya.
- 5- Beriman dengan semua perkara yang terkandung dalam semua sifat-sifat Allah dari segi hukum dan semua tuntutan daripada kesan-kesan beriman dengan sifat-sifat Allah Taala tersebut, maka semua sifat mengandungi '*Ubudiyyah* (perhambaan kepada Allah).

Untuk penjelasan kepada lima perkara di atas kami bawa satu contoh dengan sifat “Al-Istiwa’” (الاستوا) mesti mengambil kira perkara-perkara berikut:

1- Isbat sifat *Al-Istiwa’* (bersemayam) dan beriman dengannya, kerana sifat ini telah disebut dalam nas-nas syara’. Firman Allah Taala:

“Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas Arasy”. (Surah Toha, ayat 5).

2- Isbat sifat *Istiwa’* (bersemayam) bagi Allah Taala dengan keadaan yang sempurna yang layak bagi Allah Taala, maknanya: Ketinggian Allah yang berada di atas ArasyNya secara hakiki, mengikut kedudukan yang layak dengan kemuliaan dan kebesaranNya.

3- Tidak menyamakan *istiwa’* (bersemayam) Allah di atas Arasy dengan kedudukan makhluk di atas singgahsana, kerana Allah tidak berkehendak kepada Arasy, adapun *istiwa’* (bersemayam) makhluk maka mereka sentiasa memerlukan dan berhajat kepada sesuatu berdasarkan firman Allah:

“Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”. (Surah Asy-Syura, ayat 11).

4- Tidak membincangkan bagaimana cara *istiwa’* Allah di atas Arasy, kerana ianya merupakan perkara ghaib yang tidak sesiapa pun mengetahui hakikatnya kecuali Allah s.w.t.

5- Beriman dengan semua hukum dan kesan yang berkaitan dengannya, iaitu dengan mengisbatkan keagungan Allah Taala dan kemegahanNya yang layak bagiNya yang menunjukkan ketinggian kedudukannya yang mutlak ke atas makhlukNya serta menghadap sepenuh hati ke arah ketinggianNya sepertimana yang diucapkan

oleh seorang yang sedang sujud: (سبحان ربي الأعلى) ertinya: 'Maha Suci Tuhan Yang Maha Tinggi'.

Ketiga: Iktikad bahawa Allah ialah *Ilah* (Tuhan) yang sebenar yang benar-benar berhak disembah secara zahir dan batin, Yang Esa, tiada sekutu bagiNya.

Firman Allah Taala:

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada setiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya supaya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut”. (Surah An-Nahli, ayat 36).

Tidak ada seorang rasul kecuali semuanya telah menyeru kaumnya:

“Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya”. (Surah Al-A'raf, ayat 59).

Firman Allah Taala:

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, dalam keadaan teguh di atas tauhid”. (Surah Al-Bayyinah, ayat 5).

Tersebut di dalam Sahih Al-Bukhari dan Muslim Nabi s.a.w. bersabda kepada Mu'az r.a.:

((أتدري ما حق الله على العباد، وما حق العباد على الله؟)). قلت: الله ورسوله أعلم. قال: ((حق الله على العباد أن يعبدوه ولا يشرکوا به شيئاً، وحق العباد على الله ألا يعذب من لا يشرک به شيئاً)).

“Adakah kamu tahu apakah hak Allah ke atas hambaNya dan hak seorang hamba ke atas Allah?”. Jawab Mu'az: 'Hanya Allah dan RasulNya yang mengetahui'. Sabdanya: “Hak Allah ke atas hambaNya ialah mereka mesti menyembahNya dan jangan sekali-kali melakukan syirik terhadapNya dengan sesuatupun dan hak

seorang hamba ke atas Allah ialah tidak mengazab mereka yang tidak melakukan syirik terhadapNya dengan sesuatu".

Ilah (Tuhan) yang sebenar: ialah Tuhan tempat bergantung hati kepadaNya dengan penuh kasih sayang (mahabbah) lebih daripada semua yang lain, memadai dengan meletakkan pengharapan kepadaNya daripada semua pengharapan kepada selainNya dan cukuplah meminta kepadaNya, memohon bantuan daripadaNya, takut dan gerun kepadaNya daripada semua yang lain daripadaNya. Firman Allah Taala:

"Bersifatnya Allah dengan kekuasaan dan luas ilmu pengetahuan itu kerana bahawasanya Allah, Dialah sahaja Tuhan Yang Sebenar-benarnya dan bahawa segala yang mereka sembah selain daripada Allah itulah yang nyata palsu dan (ingatlah) sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Tinggi keadaanNya, lagi Maha Besar (kekuasaanNya)". (Surah Al-Haj, ayat 62).

Inilah tauhid (mengesakan) Allah yang berhubungkait dengan perbuatan hamba-hambaNya.

Kepentingan Tauhid.

Kepentingan tauhid dapat diperjelaskan melalui perkara-perkara berikut:

1- Tauhid adalah merupakan asas pertama agama ini, matlamatnya, akhirnya, zahirnya dan batinnya dan ianya merupakan dakwah (seruan) semua rasul (*ke atas mereka semua kesejahteraan*).

2- Kerana tauhid ini Allah menciptakan makhluk, mengutuskan rasul-rasul dan menurunkan kitab-kitab serta kerananya berselisih pendapat di kalangan makhluk dan berpecah kepada golongan mukmin dan kafir dan golongan yang bertuah dan celaka.

3- Tauhid ialah perkara pertama yang wajib ke atas seorang *mukallaf* (akil baligh), juga yang pertama membawa seorang

hamba memasuki pintu Islam dan yang terakhir bersamanya ketika keluar dari alam kehidupan dunia.

Tahkik (perlaksanaan) Tauhid.

Melaksanakan tauhid: ialah membersihkan dan memurnikannya daripada sebarang bentuk syirik, bidaah (rekaan, tambahan terhadap ajaran agama) dan maksiat. Ianya terbahagi kepada dua bahagian: wajib dan sunat.

Wajib terdiri daripada tiga perkara:

1- Membersihkannya daripada perbuatan syirik yang menafikan asas tauhid.

2- Membersihkannya daripada perbuatan bidaah yang menafikan kesempurnaan perkara yang wajib atau menafikan asas tauhid jika ianya terdiri daripada bidaah yang membawa kepada kekufuran.

3- Membersihkannya daripada semua bentuk maksiat yang mengurangkan pahala atau memberi kesan kepadanya.

Sunat: ialah perkara-perkara yang disuruh melakukannya secara *istihbab* (tidak wajib), antara contohnya ialah seperti berikut:

a- Tahkik (merealisasikan) kesempurnaan martabat ihsan (menyembah Allah seolah-olah melihatNya).

b- Tahkik kesempurnaan martabat yakin.

c- Tahkik kesempurnaan sifat sabar, iaitu dengan tidak membuat sebarang pengaduan kepada makhluk selain daripada Allah.

d- Tahkik kesempurnaan rasa terkaya, memadai dengan hanya memohon kepada Allah Taala, tidak meminta sebarang permohonan daripada makhluk.

e- Tahkik kesempurnaan martabat tawakkal, iaitu dengan meninggalkan beberapa perkara yang harus seperti meminta supaya dijampi, hanya bertawakkal kepada Allah Taala.

f- Tahkik kesempurnaan martabat mahabbah (kasih dan cinta) kepada Allah dengan melakukan amalan-amalan sunat.

Sesiapa yang telah melaksanakan tuntutan tauhid seperti yang tersebut di atas serta selamat daripada melakukan syirik yang besar (perbuatan kufur) juga yang kecil serta menjauhkan diri daripada dosa-dosa besar dan maksiat maka dia akan mendapat keamanan yang sempurna di dunia dan di akhirat. Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya)". (Surah An-Nisa', ayat 48).

Firman Allah Taala:

"Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur-adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk". (Surah Al-An'am, ayat 82).

Perkara yang bertentangan dengan tauhid ialah syirik (menyengutukan Allah dengan makhluk), ianya terbahagi kepada tiga bahagian:

1- Syirik yang besar, yang menafikan asas tauhid, tidak diampunkan oleh Allah kecuali dengan bertaubat meninggalkannya (kembali kepada Islam), sesiapa yang mati dalam keadaan syirik akan kekal di dalam neraka selama-lamanya, iaitu mereka yang mengadakan sekutu bagi Allah dalam beribadat, berdoa (meminta) kepadanya seperti mereka berdoa kepada Allah, berserah diri kepadanya, mengharapkan pertolongannya, kasih dan cinta kepadanya serta takut kepadanya seperti mereka lakukan terhadap Allah.

Firman Allah Taala:

“Sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga dan tempat kembalinya ialah neraka dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim”. (Surah Al-Maidah, ayat 72).

2- Syirik kecil yang menafikan kesempurnaan tauhid, iaitu setiap perkara yang boleh membawa kepada syirik besar, seperti bersumpah dengan lain daripada nama Allah dan perbuatan *riya'* yang sedikit.

3- Syirik tersembunyi (*khafi*), iaitu perbuatan yang bersangkutan dengan niat dan amalan hati, kadang-kadang ianya menjadi syirik besar dan adakalanya syirik kecil seperti yang telah dijelaskan dalam jenis pertama dan kedua di atas.

Dari Mahmud bin Labid r.a. Rasulullah s.a.w bersabda:

((إن أخوف ما أخاف عليكم الشرك الأصغر، قالوا وما الشرك الأصغر يا رسول الله ؟ قال: الرياء)) . [رواه الإمام أحمد] .

“Sesungguhnya perkara yang aku sangat takuti menimpa kamu ialah syirik kecil”. Sahabat bertanya: “Apakah syirik kecil itu wahai Rasulullah?” Sabdanya: “*Riyya'*”. (H.R. Imam Ahmad).

(2) PENGERTIAN IBADAT.

Ibadat ialah satu nama yang meliputi semua perkara yang disukai oleh Allah serta diredhaiNya iaitu dari segi 'aqidah (pegangan atau iktikad), amalan hati, amalan anggota dan semua amalan yang mendekatkan diri kepada Allah daripada perbuatan-perbuatan yang wajib dilakukan dan perbuatan-perbuatan yang wajib ditinggalkan.

Termasuk di bawah nama ibadat semua perkara yang telah disyariatkan oleh Allah dalam kitabNya atau melalui Sunnah RasulNya Muhammad s.a.w dan ianya merupakan beberapa jenis ibadat, sebahagian daripadanya ialah ibadat yang bergantung dengan hati seperti Rukun Iman yang enam, *khauf* (takut), *raja'* (harap), *tawakkal*, *raghbah* (sangat kasih/gemar), *rahbah* (gerun) dan lainnya dari jenis ibadat. Sebahagiannya ibadat zahir seperti solat, zakat, puasa dan haji.

Tidak sah sesuatu ibadat kecuali dibina di atas dua landasan:

Pertama: Mengikhlaskan ibadat kepada Allah dan tidak melakukan syirik terhadapnya, inilah makna syahadah (pengakuan) *La ilaha illallah* (Tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah). Firman Allah Taala:

“Ingatlah! (hak yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan yang suci bersih (dari segala rupa syirik) dan orang-orang musyrik yang mengambil selain daripada Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (sambil berkata): Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya, sesungguhnya Allah akan menghukum antara mereka (dengan orang-orang yang tidak melakukan syirik) tentang apa yang mereka berselisihan padanya. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat petunjuk kepada orang-orang yang tetap berdusta (mengatakan yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik). (Surah Az-Zumar, ayat 3).

Firman Allah Taala:

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, dalam keadaan teguh di atas tauhid”. (Surah Al-Bayyinah, ayat 5).

Kedua: Mengikut ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w, dengan melakukannya sebagaimana yang telah dilakukan oleh Nabi s.a.w tanpa membuat sebarang penambahan atau

pengurangan, inilah makna syahadah (pengakuan) Muhammad Rasulullah.

Firman Allah Taala:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 31).

Firman Allah Taala:

“Dan segala perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan segala yang dilarangnya maka patuhilah larangannya”. (Surah Al-Hasyr, ayat 7).

Firman Allah Taala:

“Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak berasa di hati mereka sesuatu keberatan daripada apa yang telah engkau hukumkan itu dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya”. (Surah An-Nisaa’, ayat 65).

‘Ubudiyyah (Perhambaan) yang sempurna tidak akan terlaksana kecuali dengan dua perkara:

Pertama: Mahabbah atau cintakan Allah dengan sepenuhnya, iaitu dengan mendahulukan mahabbah atau cinta kepada Allah mengatasi cinta kepada semua yang lain.

Kedua: Tunduk, patuh dan menghina diri kepada Allah, iaitu dengan melaksanakan semua tuntutan dan menjauhan diri daripada semua larangan Allah.

Al-‘Ubudiyyah ialah suatu ibarat yang menghimpunkan rasa mahabbah serta penuh kehinaan dan kepatuhan, *raja’* dan *khauf*, maka dengan itu terlaksanalah *‘ubudiyyah* seorang hamba

terhadap Tuhannya dan Penciptanya. Dengan melaksanakan 'ubudiyyah kepada Allah dengan sepenuhnya akan membawa seorang hamba mencapai tahap mahabbah (cinta/kasih)kan Allah dan keredhaanNya, sesungguhnya Allah kasih kepada hambaNya yang menghampirkan diri kepadaNya dengan melakukan semua suruhan yang difardhukan ke atasnya. Apabila seorang hamba memperbanyakkan amalan sunat bertambah hampirah ia kepada Allah Taala dan terangkatlah darjatnya di sisi Allah dan semua itu adalah sebahagian daripada sebab yang akan memasukkannya ke dalam syurga dengan limpah kurnia serta rahmat daripada Allah Taala.

Firman Allah Taala:

"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas". (Surah Al-A'raf, ayat 55).

(3) DALIL-DALIL SERTA TANDA KEESAAN ALLAH.

Sesungguhnya dalil atau tanda keesaan Allah Taala sangat banyak, sesiapa yang memerhatikannya serta merenunginya maka akan teguh ilmunya serta bertambah keyakinannya terhadap keesaan Allah Taala dalam mentadbir serta *wahdaniyyah* (keesaan) Allah pada perbuatanNya, nama-namaNya, sifat-sifatNya dan *Uluhiyyah* (ketuhanan)Nya.

Antara dalil-dalil dan tanda-tanda kewujudan Allah ialah seperti berikut:

a) Agungnya kejadian alam semesta ini, halus seni ciptaannya, pelbagai jenis makhluk terdapat di dalamnya, sistem perjalanannya yang teratur, sesiapa yang memerhatikannya serta berfikir tentang kejadiannya akan berasa yakin dengan *wahdaniyyah* (keesaan) Allah. Maka mereka yang memerhatikan kejadian langit dan bumi, matahari dan bulan, manusia dan haiwan, tumbuh-tumbuhan dan batu-batan akan mengetahui dengan penuh yakin bahawa semua

mahluk itu ada pencipta yang sempurna pada nama-namaNya, sifat-sifatNya dan *uluhiyyah* (ketuhanan)Nya, semua yang tersebut menunjukkan bahawa Allah Yang Esa sahaja berhak disembah.

Firman Allah Taala:

“Dan Kami telah jadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegar mereka dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu-lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani. Dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung yang terpelihara dan terkawal, sedang mereka (yang kafir itu) berpaling tidak memerhatikan tanda-tanda (kekuasaan Kami) yang ada padanya. Dan Dialah (Tuhan) yang telah menjadikan malam dan siang serta matahari dan bulan, tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edaran masing-masing (di angkasa lepas)”. (Surah Al-Anbiya', ayat 31-33).

Firman Allah Taala:

“Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan”. (Surah Ar-Rum, ayat 22).

b) Ajaran syariat yang telah Allah utuskan melalui rasul-rasul dan dikuatkan pula ajaran tersebut dengan tanda-tanda keterangan yang menunjukkan kepada *wahdaniyyah* serta keesaan Allah Taala untuk disembah, semua ajaran yang telah disyariat oleh Allah ke atas mahlukNya daripada hukum hakam menjadi dalil yang nyata bahawa ianya tidak datang kecuali daripada Rabb (Pencipta) Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui perkara yang baik untuk mahluk ciptaanNya.

Firman Allah Taala:

“Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas (nyata) dan

Kami telah menurunkan bersama-sama mereka kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan". (Surah Al-Hadid, ayat 25).

Firman Allah Taala:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya sekiranya sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri". (Surah Al-Isra', ayat 88).

c) Fitrah kejadian manusia yang telah Allah jadikan dalam hati hamba-hambaNya mengakui keesaan Tuhan, ianya merupakan suatu perkara yang telah tetap dalam diri manusia. Apabila manusia ditimpa bala bencana mereka akan mendapatinya (fitrah) serta kembali kepada Allah. Jika seorang manusia selamat daripada keraguan (yang melemahkan imannya) dan syahwat yang merubah perjalanan fitrahnya nescaya mereka akan dapati dalam dirinya pengakuan serta kepatuhan kepada keesaan Allah dalam *uluhiyyah*Nya, nama-namaNya, sifat-sifatNya dan perbuatanNya juga akan patuh kepada ajaran syariat yang dibawa oleh rasul-rasulNya (*ke atas mereka semua selawat dan salam*).

Firman Allah Taala:

"(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan, (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu, itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) sentiasa merujuk kembali kepada Allah (dengan mengerjakan amal-amal bakti) serta bertakwalah kamu kepadaNya dan kerjakanlah sembahyang dengan betul dan sempurna dan janganlah kamu

tergolong dari mana-mana golongan orang musyrik". (Surah Ar-Rum, ayat 30-31).

Sabda Nabi s.a.w:

((كل مولد يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو يمجسانه، كما تنتج البهيمة بهيمة جمعاء، هل تحسون فيها من جدعاء. ثم قرأ)) [رواه البخاري].

"Setiap anak yang dilahirkan adalah di atas landasan fitrah, maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi, sebagaimana binatang telah melahirkan anaknya dengan sempurna, apakah kamu tidak sedar ada di antaranya yang cacat (putus hidung dengan sebab perbuatan tuannya), kemudian Abu Hurairah r.a. membaca ayat (maksudnya): "(turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya". (H.R. Al-Bukhari No. 1358).

* * *

RUKUN KEDUA: BERIMAN DENGAN MALAIKAT

Video Syarah Rukun Iman – Beriman Kepada Malaikat
<http://tinyurl.com/15ttrsrl>

(1) PENGERTIAN

Beriman dengan Malaikat: ialah iktikad dengan sepenuh keyakinan bahawa Allah mempunyai malaikat yang dijadikan daripada cahaya yang telah ditentukan untuk melakukan ketaatan, tidak melakukan sebarang maksiat terhadap Allah dan melaksanakan semua arahan yang diperintahkan, mereka sentiasa bertasbih kepada Allah malam dan siang dengan tidak pernah berasa jemu, tidak diketahui bilangan mereka kecuali Allah. Allah telah menetapkan ke atas mereka tugas dan tanggungjawab yang bermacam-macam.

Firman Allah Taala:

“...tetapi kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, Hari Akhirat dan para malaikat...”. (Surah Al-Baqarah, ayat 177).

Firman Allah Taala:

“Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya. Mereka berkata: Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari rasul-rasulNya”. (Surah Al-Baqarah, ayat 285).

Tersebut dalam hadis Jibrail yang masyhur: Sewaktu Jibrail (dengan menyerupai manusia) datang bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang Iman, Islam dan Ihsan. Katanya: “Beritahu kepada saya pengertian iman”.

Sabda Nabi s.a.w:

((أن تؤمن بالله، وملائكته، وكتبه، ورسوله، واليوم الآخر، وأن تؤمن بالقدر خيره وشره)).

“Hendaklah engkau beriman dengan Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan Hari Akhirat serta Qadar (untung) baik dan yang tidak baik”.

Para ulama' telah berijma' (bersepakat) tentang kewajiban beriman dengan para malaikat, maka sesiapa yang mengingkari kewujudan mereka atau sebahagian daripada mereka seperti mana yang disebut oleh Allah Taala, hukumnya adalah kafir serta bercanggah dengan Al-Quran, As-Sunnah dan ijma' ulama'.

Kedudukan beriman kepada Malaikat di sisi agama serta hukumnya.

Beriman kepada malaikat ialah rukun kedua daripada Rukun Iman yang enam, tidak sah dan tidak diterima iman seorang hamba itu melainkan beriman dengannya.

Firman Allah Taala:

“Sesiapa yang kufur kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya”. (Surah An-Nisa', ayat 136).

(2) CARA BERIMAN DENGAN MALAIKAT.

Beriman dengan malaikat secara umum dan terperinci.

Beriman dengan malaikat secara umum mengandungi perkara berikut:

Pertama: Mengakui kewujudan mereka, mereka adalah makhluk ciptaan Allah yang diciptakan untuk beribadat kepadaNya, kewujudan mereka adalah hakiki, kita tidak dapat melihat mereka bukan bermakna mereka tidak wujud, buktinya berapa banyak

makhluk lain dalam alam ini yang kita tidak nampak, sedangkan ianya memang wujud.

Sesungguhnya Nabi s.a.w telah melihat rupa asli Jibrail a.s sebanyak dua kali, begitu juga para sahabat r.ahum telah melihat sebahagian daripada malaikat yang menyerupai manusia.

Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam 'Musnad'nya daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. katanya:

((رأى رسول الله جبريل في صورته وله ستمائة جناح، وكل جناح منها قد سدّ الأفق))

"Rasulullah s.a.w. telah melihat Jibrail dengan rupanya yang asli, mempunyai 600 sayap, setiap helai sayapnya memenuhi ufuk".

Telah sabit dalam hadis Jibrail yang masyhur yang diriwayatkan oleh Imam Muslim: Bahawa Jibrail a.s datang bertemu Rasulullah s.a.w dengan menyerupai seorang lelaki yang sangat putih pakaiannya, sangat hitam rambutnya, tidak kelihatan padanya kesan kepenatan bermusafir sedangkan tiada seorang pun daripada kalangan sahabat yang mengenalinya.

Kedua: Meletakkan taraf kedudukannya pada tempat yang telah Allah tentukan kepada mereka, mereka adalah hamba-hamba Allah yang diberi arahan (tugas), Allah telah memuliakan mereka dengan mengangkat martabat kedudukan yang hampir denganNya, sebahagian daripada mereka menjadi utusan menyampaikan wahyu, mereka tidak berkuasa melakukan sesuatu perkara kecuali dengan kuasa yang Allah berikan kepada mereka, mereka tidak memiliki kuasa untuk memberi manfaat atau memudharatkan diri mereka atau orang lain selain daripada kuasa Allah, kerana itu tidak harus melakukan sebarang ibadat kepada mereka apalagi menjadikan mereka memiliki beberapa sifat ketuhanan (*Ar-Rububiyyah*) sebagaimana iktikad orang-orang Nasrani (Kristian) dengan Ruh Al-Qudus (Jibrail) a.s.

Firman Allah Taala:

“Dan mereka (yang musyrik) berkata: (Allah) Ar-Rahman mempunyai anak. Maha Sucilah Dia. Bahkan (mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu) ialah hamba-hambaNya yang dimuliakan. Mereka tidak mendahuluiNya dengan perkataan dan mereka pula mengerjakan apa yang diperintahkanNya”. (Surah Al-Anbiya', ayat 26-27).

Firman Allah Taala:

“Mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”. (Surah At-Tahrim, ayat 6).

Maka inilah tahap keimanan yang wajib ke atas setiap muslim dan muslimah. Wajib ke atas mereka mempelajari dan mempercayainya serta mereka tidak dimaafkan jika jahil tentangnya.

Manakala huraian mengenai beriman dengan malaikat secara terperinci adalah seperti berikut:

Pertama: Asal kejadian Malaikat.

Allah s.w.t mencipta malaikat daripada cahaya sebagaimana Allah menjadikan jin daripada api dan anak Adam (manusia) daripada tanah. Malaikat telah dicipta sebelum dijadikan Adam a.s, tersebut di dalam hadis:

((خُلِقَتِ الْمَلَائِكَةُ مِنْ نُورٍ، وَخُلِقَ الْجَانُ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ، وَخُلِقَ آدَمُ مِمَّا وَصَفَ لَكُمْ))
[رواه مسلم].

“Dijadikan malaikat daripada cahaya dan dijadikan jin daripada api yang menjulang serta dijadikan manusia daripada benda yang disifatkan kepada kamu (tanah)”. (H.R. Muslim).

Kedua: Bilangan Malaikat.

Malaikat ialah sejenis makhluk yang tidak terhingga banyaknya, tidak dapat dihitung bilangannya kecuali Allah sahajalah yang

mengetahuinya. Tidak ada tempat seluas empat anak jari di langit kecuali ada malaikat yang sedang sujud atau berdiri (solat). Di Baitul Ma'mur yang terletak di langit ketujuh, 70 ribu malaikat masuk setiap hari kemudian mereka yang telah masuk ke dalamnya tidak dapat kembali lagi (untuk memasukinya) kerana bilangannya terlalu ramai. Pada Hari Kiamat nanti akan dibawa neraka yang mempunyai 70 ribu tali penarik dan setiap tali ditarik oleh 70 ribu malaikat. Firman Allah Taala:

"Dan tiada yang mengetahui tentera (malaikat) Tuhanmu melainkan Dialah sahaja". (Surah Al-Muddatthir, ayat 31).

Tersebut dalam hadis, Nabi s.a.w bersabda:

((أَطَّتِ السَّمَاءُ وَحَقَّ أَنْ تَنْطَطَّ، مَا فِيهَا مَوْضِعَ قَدَمٍ إِلَّا وَفِيهِ مَلَكٌ سَاجِدٌ وَرَاكِعٌ))

"Langit berbunyi dan memang patut ia berbunyi, tiada tempat sebesar tapak kaki melainkan ada di situ malaikat yang sedang sujud atau rukuk".

Sabda Nabi s.a.w tentang Baitul Ma'mur:

((يَدْخُلُهُ فِي كُلِّ يَوْمٍ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ لَا يَعُودُونَ إِلَيْهِ)) [رواه البخاري ومسلم].

"70 ribu malaikat masuk setiap hari ke dalam Baitul Ma'mur, kemudian mereka yang telah masuk tidak akan kembali lagi ke tempat itu". (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

Sabda Nabi s.a.w:

((يُؤْتَى بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَهَا سَبْعُونَ أَلْفَ زِمَامٍ، مَعَ كُلِّ زِمَامٍ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ)) [رواه مسلم].

"Pada Hari Kiamat nanti akan dibawa Neraka Jahannam yang mempunyai 70 ribu tali penarik dan setiap tali itu ditarik oleh 70 ribu malaikat". (H.R. Muslim).

Dengan ini jelaslah kepada kita betapa banyaknya bilangan malaikat, bilangan mereka (yang menarik sebuah neraka) sahaja

4,900 juta malaikat, bagaimana dengan bilangan malaikat yang lain. Maha Suci Allah yang telah mencipta malaikat dan mengetahui bilangannya.

Ketiga: Nama-nama Malaikat.

Kita wajib beriman dengan malaikat yang telah disebut nama mereka oleh Allah dalam Al-Quran atau disebut oleh Rasulullah s.a.w dalam As-Sunnah, yang teragungnya tiga:

Pertama: Jibril dan dinamakan juga dengan Jibrail, dia ialah Ruh Al-Qudus yang menurunkan wahyu. Dan dengan wahyu inilah telah dapat menghidupkan hati-hati ke atas rasul-rasul '*alahimussalam*.

Kedua: Mikail, dinamakan juga dengan Mikal. Dia telah ditugas menurunkan hujan yang menghidupkan bumi. Dan membawanya ke tempat yang telah diarahkan oleh Allah s.w.t.

Ketiga: Israfil. Ditugaskan untuk meniup seruni sangkakala yang dengannya berakhirlah kehidupan dunia dan bermulalah kehidupan akhirat, yang akan menghidupkan semua jasad.

Keempat: Sifat-sifat Malaikat.

Malaikat ialah suatu makhluk yang memang wujud, mempunyai jisim yang hakiki serta bersifat dengan sifat-sifat kejadian (bentuk luaran) dan sifat akhlak yang baik, antaranya:

a) Besar kejadian serta tubuh badan mereka. Allah s.w.t. telah mencipta malaikat dengan bentuk yang besar dan kuat, sesuai dengan tugas mereka yang mulia sama ada di langit dan di bumi.

b) Mereka mempunyai sayap. Allah menciptakan bagi mereka sayap, ada yang mempunyai dua, tiga dan empat atau lebih, sebagaimana Rasulullah s.a.w. telah melihat rupa Jibrail yang sebenar mempunyai 600 sayap yang memenuhi ufuk.

Firman Allah Taala:

“Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat. Dia menambah pada bentuk kejadian makhluk yang diciptakanNya apa jua yang dikehendakiNya”. (Surah Fathir, ayat 1).

c) Tidak berhajat kepada makanan dan minuman. Allah Taala mencipta malaikat yang tidak berhajat kepada makan dan minum juga tidak berkahwin dan tidak mempunyai keturunan.

d) Malaikat suatu makhluk yang cerdas serta mempunyai pemikiran yang pintar. Mereka berbicara dengan Allah dan Allah juga berkata-kata dengan mereka. Mereka juga bercakap dengan Adam a.s dan nabi-nabi yang lain.

e) Boleh bertukar rupa daripada kejadian mereka yang asal. Allah telah mengurniakan kepada mereka kebolehan untuk bertukar rupa menjadi rupa lelaki daripada kalangan manusia, ini sekaligus menolak dakwaan penyembah berhala yang menyangka bahawa malaikat ialah anak perempuan Allah. Kita tidak dapat mengetahui bagaimana cara mereka bertukar rupa, tetapi memang mereka berupaya untuk berupa menjadi manusia sehingga tidak dapat dibezakan dengan manusia sebenar.

f) Kematian malaikat. Mereka semua akan mati pada Hari Kiamat termasuk Malakul Maut (yang mencabut nyawa), kemudian mereka akan dibangkitkan semula untuk melaksanakan tugas yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka.

g) Ibadat malaikat. Mereka melakukan ibadat kepada Allah Taala dengan berbagai-bagai jenis ibadat, antaranya: solat, doa, tasbih (memuji Allah), rukuk, sujud, *khauf* (takut), *khasyiah* (takut), mahabbah dan lainnya.

Antara sifat-sifat ibadat mereka ialah:

1) Berkekalan dan berterusan dengan tidak pernah berasa jemu.

2) Ikhlas kepada Allah Taala.

3) Sentiasa melakukan ketaatan dan tidak pernah melakukan maksiat kerana mereka terpelihara daripada melakukan dosa dan maksiat.

4) Sentiasa bersifat tawadhu' (merendah diri) walaupun banyak beribadat. Firman Allah Taala:

"Mereka beribadat malam dan siang, dengan tidak berhenti-henti". (Surah Al-Anbiya', ayat 20).

Kelima: Tugas-tugas Malaikat.

Para malaikat menjalankan tugas-tugas mulia yang telah dipertanggungjawabkan oleh Allah kepada mereka, antaranya:

- 1- Memikul Arasy.
- 2- Menurunkan wahyu kepada rasul-rasul.
- 3- Menjaga syurga dan neraka.
- 4- Menjaga awan, hujan dan tumbuh-tumbuhan.
- 5- Menjaga bukit bukau dan gunung-ganang.
- 6- Meniup serunai sangkakala.
- 7- Menulis amalan anak Adam (manusia).
- 8- Menjaga anak Adam. Apabila seseorang itu telah ditakdir oleh Allah akan ditimpa bencana mereka akan meninggalkannya kemudian bala pun menimpa orang itu.
- 9- Sentiasa bersama manusia dan mendoakan untuknya ke arah kebaikan.

- 10- Menjaga air mani di dalam rahim, kemudian meniup roh manusia, menulis rezekinya, amalannya, baik atau celaka hidupnya.
- 11- Mengambil nyawa manusia ketika sampai ajalnya.
- 12- Menyoal manusia di dalam kubur dan mengenakan balasan ke atas mereka, nikmat atau azab.
- 13- Menyampaikan salam yang diucapkan oleh setiap umat kepada Nabi s.a.w.

Oleh yang demikian, seorang muslim tidak perlu bermusafir ke makam Nabi s.a.w untuk menyampaikan salam, memadai dengan membaca selawat dan salam kepada Nabi s.a.w di mana saja mereka berada, kerana malaikat akan membawa serta menyampaikannya kepada Nabi s.a.w seseorang itu boleh bermusafir ke masjid Nabi untuk menunaikan solat di dalamnya.

Para malaikat mempunyai kerja dan tugas yang amat banyak, apa yang disebutkan di atas hanyalah yang masyhur.

Antara dalil-dalil yang menunjukkan kepada tugas mereka ialah:

Firman Allah Taala:

“Malaikat yang memikul Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya bertasbih memuji TuhanNya dan beriman kepadaNya serta mereka memohon ampun bagi orang-orang yang beriman”. (Surah Ghafir, ayat 7).

Firman Allah Taala:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan Al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah”. (Surah Al-Baqarah, ayat 97).

Firman Allah Taala:

“Dan (sungguh ngeri) sekiranya engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dalam penderitaan sakratulmaut (ketika hendak putus nyawa), sedang malaikat-malaikat pula menghulurkan tangan mereka (memukul dan menyiksa orang-orang itu) sambil berkata (dengan menengking dan mengejek): Keluarkanlah nyawa kamu (dari tubuh kamu sendiri)”. (Surah Al-An'am, ayat 93).

Kelima: Tugas-tugas Malaikat.

- a) Beriman dengan mereka.
- b) Mengasihi serta memuliakan mereka serta menyebut kelebihan mereka.
- c) Haram mencerca atau mengurangkan ketinggian darjat mereka atau mempersendakan mereka.
- d) Hindarkan daripada melakukan perkara yang dibenci oleh malaikat, kerana mereka akan berasa kurang senang sebagaimana anak Adam merasainya.

Natijah beriman dengan Malaikat.

- a) Merealisasikan maksud iman, kerana tidak sah iman itu melainkan dengan beriman dengan mereka.
- b) Mengetahui keagungan Pencipta mereka Yang Maha Tinggi dan mengetahui kekuatan serta kerajaanNya, kerana kehebatan makhluk ciptaanNya menunjukkan keagungan penciptanya.
- c) Bertambah keimanan di dalam hati seseorang muslim dengan mengetahui sifat-sifat malaikat, keadaan serta tugas-tugas mereka.
- d) Mendapat keamanan dan ketenangan bagi seseorang muslim apabila Allah menguatkan mereka dengan bantuan malaikat.

- e) Kasihkan para malaikat kerana mereka telah menjalankan ibadat dengan sempurna serta mereka sentiasa beristighfar (meminta ampun) bagi orang-orang mukmin.
- f) Membenci semua perbuatan jahat dan maksiat.
- g) Bersyukur kepada Allah Taala kerana sentiasa mengambil berat terhadap hamba-hambaNya, dengan mengutus malaikat yang sentiasa menjaga keselamatan, menulis semua amalan yang dilakukan dan lainnya bagi kebaikan manusia.

RUKUN KETIGA: BERIMAN DENGAN KITAB

Video Syarah Rukun Iman – Beriman Dengan Kitab

<http://tinyurl.com/q37157y>

Beriman dengan kitab-kitab Allah yang diturunkan ke atas rasul-rasul '*alaihimussalam* ialah Rukun Iman yang ketiga, kerana Allah Taala telah mengutuskan rasul-rasulNya dengan bukti-bukti yang jelas serta menurunkan kepada mereka kitab-kitab yang menjadi rahmat kepada alam semesta. Menjadi petunjuk kepada mereka untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat, juga sebagai pedoman hidup yang akan mereka lalui dan penyelesai kepada semua perkara yang menjadi perselisihan dikalangan mereka.

Firman Allah Taala:

“Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas (nyata) dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan”. (Surah Al-Hadid, ayat 25).

Firman Allah Taala:

“Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan syurga) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka) dan Allah menurunkan bersama nabi-nabi itu kitab-kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai perkara yang mereka perselisihkan”. (Surah Al-Baqarah, ayat 213).

(1) HAKIKAT BERIMAN DENGAN KITAB-KITAB.

Beriman dengan kitab-kitab ialah mengakui dengan sepenuhnya bahawa bagi Allah Kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasul a.s. Kitab-kitab itu adalah kalam Allah yang hakiki, ianya membawa cahaya dan petunjuk, semua isi kandungannya hak, benar dan adil. Kita wajib mengikutinya dan beramal dengannya, tidak diketahui bilangannya kecuali Allah.

Firman Allah Taala:

“Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan). (Surah An-Nisa', ayat 164).

Firman Allah Taala:

“Dan jika seseorang daripada kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu)”. (Surah At-Taubah, ayat 6).

(2) HUKUM BERIMAN DENGAN KITAB.

Wajib beriman dengan semua kitab yang diturunkan oleh Allah kepada rasul-rasulNya *'alaihimussalam*. Allah Taala berkata-kata dengan secara hakiki, sesungguhnya kitab yang diturunkan itu bukanlah makhluk, sesiapa yang mengingkarinya atau sebahagian daripadanya akan menjadi kafir.

Firman Allah Taala:

“Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya dan kepada kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad s.a.w.) dan juga kepada kitab-kitab suci yang telah diturunkan terdahulu daripada itu dan sesiapa yang kufur (ingkar) kepada Allah dan malaikat-malaikatNya dan kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya dan juga Hari Akhirat, maka

sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh". (Surah An-Nisa', ayat 136).

Firman Allah Taala:

"Dan ini sebuah kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu mengikutinya dan bertakwalah (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat". (Surah Al-An'am, ayat 155).

(3) KEPERLUAN MANUSIA KEPADA KITAB (PETUNJUK) DAN HIKMAH DARIPADA PENURUNANNYA.

a) Supaya kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasul akan menjadi rujukan bagi umatnya, mereka merujuk kepadanya untuk mengetahui agama mereka.

b) Supaya kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasul akan menjadi sumber hukum yang adil kepada umatnya dalam semua perkara yang menjadi perselisihan.

c) Supaya kitab-kitab yang diturunkan kepada rasul-rasul akan menjaga agama selepas kewafatan rasul tersebut, walaupun panjang jarak masa dan tempat, sebagaimana keadaan dakwah Nabi kita Muhammad s.a.w.

d) Supaya kitab-kitab ini menjadi hujjah Allah Taala ke atas hambaNya, tidak mungkin mereka menyalahinya atau keluar dari mengikutinya.

Firman Allah Taala:

"Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut agama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan syurga) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka) dan Allah menurunkan bersama nabi-nabi itu kitab-

kitab suci yang (mengandung keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisihkan". (Surah Al-Baqarah, ayat 213).

(4) CARA BERIMAN DENGAN KITAB-KITAB.

Beriman dengan kitab-kitab Allah secara umum dan secara terperinci:

Beriman secara umum ialah:

Beriman bahawa Allah Taala telah menurunkan kitab-kitab kepada rasul-rasulNya a.s.

Manakala beriman secara terperinci pula ialah:

Beriman dengan semua kitab yang Allah sebutkan namanya di dalam Al-Quran. Sesungguhnya kita telah mengetahui sebahagian daripadanya, iaitu: Al-Quran, Taurat, Zabur, Injil, Suhuf Ibrahim dan Suhuf Musa. Kita juga beriman bahawa sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan kitab-kitab lain selain daripada kitab-kitab yang tersebut kepada nabi-nabiNya, tidak mengetahui namanya serta bilangannya kecuali yang menurunkannya (Allah Taala).

Semua kitab ini diturunkan untuk meneguhkan tauhid terhadap Allah dengan mengesakannya dengan ibadat dan amal soleh serta menegah daripada melakukan perbuatan syirik dan kerosakan di atas muka bumi ini. Asal dakwah para nabi adalah satu, walaupun berbeza dari segi syariat dan hukum. Beriman dengan kitab-kitab bererti mengakui turunnya kitab-kitab kepada rasul-rasul yang terdahulu dan beriman dengan Al-Quran ialah mengakui kebenarannya serta mengikut semua isi kandungannya.

Firman Allah Taala:

"Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya dan juga orang-orang yang beriman

semuanya beriman kepada Allah dan malaikat-malaikatNya dan kitab-kitabNya dan rasul-rasulNya". (Surah Al-Baqarah, ayat 285).

Firman Allah Taala:

“(Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad): Turutlah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah". (Surah Al-A'raf, ayat 3).

Sesungguhnya Al-Quran istimewa daripada kitab-kitab terdahulu disebabkan beberapa perkara, yang terpentingnya ialah:

1- Al-Quran adalah mukjizat dengan lafaz dan maknanya serta semua isi kandungannya yang mengandungi hakikat alam semesta dan sains.

2- Al-Quran ialah kitab terakhir yang diturunkan dari langit, menjadi penutup kepada semua kitab-kitab terdahulu sebagaimana Nabi kita Muhammad s.a.w menjadi penutup sekalian rasul.

3- Allah Taala telah menjamin untuk menjaganya daripada sebarang penyelewengan atau pengubahan, berbeza dengan kitab-kitab yang lain, telah ditukar dan diubah isi kandungannya.

4- Al-Quran membenarkan semua kitab yang terdahulu daripadanya serta memelihara dan mengawasi kitab-kitab tersebut.

5- Al-Quran telah membatalkan (*menasakh*) semua kitab-kitab yang terdahulu.

Firman Allah Taala:

“(Kisah nabi-nabi yang terkandung dalam Al-Quran) bukanlah merupakan suatu cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan apa yang tersebut di dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya dan merupakan keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu serta menjadi hidayat petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman". (Surah Yusuf, ayat 111).

(5) MENERIMA KHABAR (BERITA) KITAB-KITAB TERDAHULU.

Kita mengetahui secara yakin bahawa semua cerita yang terkandung di dalam kitab-kitab terdahulu yang telah diwahyukan oleh Allah kepada rasul-rasulNya '*alaihimussalam* adalah benar dan tidak diragui akan kebenarannya.

Ini tidak bermakna kita menerima semua isi kandungan kitab-kitab yang masih ada di tangan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani), kerana ianya telah ditukar dan diselewengkan, tidak ada lagi naskhah sebenar sebagaimana yang diturunkan oleh Allah kepada rasul-rasulNya '*alaihimussalam*.

Di antara yang kita yakini benar daripada isi kandungan kitab-kitab terdahulu ialah perkara yang telah diterangkan oleh Allah di dalam kitabNya: 'Bahawa sesungguhnya seseorang itu tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain kecuali dosa yang dilakukannya sahaja'. Dan 'bahawasanya seseorang itu tidak memperoleh sesuatu selain apa yang telah diusahakannya'. Dan 'bahawa sesungguhnya usaha itu akan ditunjukkan (kepadanya, pada Hari Kiamat kelak). Kemudian usaha itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna'.

Firman Allah Taala:

"Atau belumkah dia diberitahu akan apa yang terkandung dalam kitab-kitab Nabi Musa dan juga (dalam kitab-kitab) Nabi Ibrahim yang memenuhi dengan sempurnanya (segala yang diperintahkan kepadanya). (Dalam kitab-kitab itu ditegaskan): Bahawa sesungguhnya seseorang itu tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain kecuali dosa yang dilakukannya sahaja dan bahawasanya seseorang itu tidak memperoleh sesuatu selain apa yang telah diusahakannya. Dan bahawa sesungguhnya usaha itu akan ditunjukkan (kepadanya, pada Hari Kiamat kelak). Kemudian usaha itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna". (Surah An-Najm, ayat 36-41).

Firman Allah Taala:

“Bahkan kamu utamakan kehidupan dunia. Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal. Sesungguhnya (keterangan-keterangan yang dinyatakan) ini ada (disebutkan) di dalam kitab-kitab yang terdahulu, iaitu kitab-kitab Nabi Ibrahim dan Nabi Musa. (Surah Al-A'la, ayat 16-19).

Adapun hukum-hukumnya.

Semua hukum yang terkandung di dalam Al-Quran wajib ke atas kita untuk mengikutinya. Ini berbeza dengan isi kandungan kitab-kitab yang terdahulu, kita pertimbangkan dahulu, sekiranya ia bercanggah dengan syariat kita maka tidak boleh beramal dengannya, bukan ianya suatu hukum yang batil, sebaliknya ia adalah suatu yang hak pada zaman diturunkannya tetapi kita tidak wajib mengikutinya kerana ia telah termansuh (terbatal) dengan syariat kita dan sekiranya ia bertepatan dengan syariat kita maka ianya benar, syariat kita telah membuktikan kebenarannya.

(6) KITAB-KITAB YANG DITURUNKAN DARI LANGIT YANG DISEBUT DI DALAM AL-QURAN DAN AS-SUNNAH, IALAH:

1- Al-Quran Al-Karim.

Al-Quran ialah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, penamat sekalian rasul, ia adalah kitab terakhir yang diturunkan, Allah telah menjamin untuk menjaganya daripada sebarang penyelewengan dan pengubahan serta menjadikannya *nasikh* (pembatal) semua kitab-kitab yang lain.

Firman Allah Taala:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya”. (Surah Al-Hijr, ayat 9).

Firman Allah Taala:

“Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukuman di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu)”. (Surah Al-Maidah, ayat 48).

2- Taurat.

Taurat ialah kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Musa a.s. dan menjadikannya petunjuk dan cahaya yang berhukum dengannya Bani Israel dan ulama' mereka.

Kitab Taurat yang kita wajib beriman dengannya ialah Taurat yang Allah turunkan kepada Nabi Musa a.s, bukan Taurat yang telah dipinda dan diubah yang berada di tangan Ahli Kitab sekarang.

Firman Allah Taala:

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi dengan kitab itu nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi dan (dengannya juga) ulama' mereka dan pendita-penditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu”. (Surah Al-Maidah, ayat 44).

(3) Injil.

Injil ialah Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi 'Isa a.s., menjadi pembenar kepada kitab-kitab dari langit yang terdahulu darinya.

Kitab Injil yang kita wajib beriman dengannya ialah Injil yang Allah turunkan kepada Nabi 'Isa a.s dengan asas yang sahih, bukan Injil yang telah dipinda dan diubah yang berada di tangan Ahli Kitab sekarang. Firman Allah Taala:

“Dan Kami utuskan Nabi 'Isa ibni Mariam mengikuti jejak langkah mereka (nabi-nabi Bani Israil), untuk membenarkan Kitab Taurat yang

diturunkan sebelumnya dan Kami telah berikan kepadanya Kitab Injil, yang mengandung petunjuk hidayat dan cahaya yang menerangi, sambil mengesahkan benarnya apa yang telah ada di hadapannya dari Kitab Taurat, serta menjadi petunjuk dan nasihat pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa". (Surah Al-Maidah, ayat 46).

Di antara isi kandungan Taurat dan Injil ialah membawa khabar risalah Nabi kita Muhammad s.a.w.

Firman Allah Taala:

"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w.) Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan dia menghalalkan bagi mereka segala perkara yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala perkara yang buruk dan dia juga menghapuskan beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka". (Surah Al-A'raf, ayat 157).

(4) Zabur.

Zabur ialah Kitab yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Daud a.s.

Kitab Zabur yang kita wajib beriman dengannya ialah Zabur yang Allah turunkan kepada Nabi Daud a.s., bukan Zabur yang telah dipinda dan diubah oleh angkara jahat orang Yahudi. Firman Allah Taala:

"Dan juga Kami telah mengurniakan kepada Nabi Daud Kitab Zabur. (Surah An-Nisa', ayat 163).

(5) Suhuf Nabi Ibrahim a.s. dan Musa a.s

Iaitu Suhuf yang telah diberi oleh Allah kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa a.s.. Suhuf-suhuf ini telah hilang tidak dapat diketahui

sesuatu tentang isi kandungannya kecuali perkara yang telah disebut mengenaiya dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Firman Allah Taala:

“Atau belumkah dia diberitahu akan apa yang terkandung dalam kitab-kitab Nabi Musa dan juga (dalam kitab-kitab) Nabi Ibrahim yang memenuhi dengan sempurnanya (segala yang diperintahkan kepadanya)? (Dalam kitab-kitab itu ditegaskan): Bahawa sesungguhnya seseorang itu tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain kecuali dosa yang dilakukannya sahaja. Dan bahawasanya seseorang itu tidak memperolehi sesuatu selain apa yang telah diusahakannya. Dan bahawa sesungguhnya usaha itu akan ditunjukkan (kepadanya, pada Hari Kiamat kelak). Kemudian usaha itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna”. (Surah An-Najm, ayat 36-41).

Firman Allah Taala:

“Bahkan kamu utamakan kehidupan dunia; Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal. Sesungguhnya (keterangan-keterangan yang dinyatakan) ini ada (disebutkan) di dalam kitab-kitab yang terdahulu, iaitu kitab-kitab Nabi Ibrahim dan Nabi Musa”. (Surah Al-A'la, ayat 16-19).

RUKUN KEEMPAT: BERIMAN DENGAN RASUL

Video Syarah Rukun Iman – Beriman Dengan Rasul

<http://tinyurl.com/nynd9zf>

(1) BERIMAN DENGAN RASUL-RASUL 'ALAIHIMUSSALAM.

Beriman dengan rasul-rasul '*alaihimussalam* ialah salah satu daripada Rukun Iman dan tidak sempurna iman seseorang hamba tanpanya.

Beriman dengan rasul-rasul: ialah iktikad dengan yakin bahawa Allah Taala mempunyai rasul-rasul yang dipilih untuk meyampaikan risalahNya, sesiapa yang mengikut rasul maka dia telah mendapat petunjuk dan sesiapa yang menderhaka kepada rasul sesungguhnya dia telah terpesong daripada jalan yang benar. Mereka telah meyampaikan semua ajaran yang diturunkan oleh Allah dengan keterangan yang nyata, mereka telah menunaikan amanah dan menasihati ummah, berjihad pada jalan Allah dengan sebenar-benar jihad, mendirikan hujjah dan tidak sekali-kali menukar, mengubah atau menyembunyikan sesuatu yang disampaikan kepada mereka. Kita beriman dengan rasul yang telah disebut nama mereka oleh Allah dan juga rasul yang tidak disebut nama mereka. Setiap rasul menyampaikan khabar gembira dengan kedatangan rasul selepasnya dan yang terakhir pula akan membenarkan rasul-rasul sebelumnya.

Firman Allah Taala:

“Katakanlah (wahai orang-orang yang beriman): Kami beriman kepada Allah dan kepada kitab yang diturunkan kepada kami (Al-Quran) dan kepada kitab yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Ishak, Nabi Yaakub serta anak-anaknya dan juga kepada kitab yang diberikan kepada Nabi Musa (Taurat) dan Nabi 'Isa (Injil) dan kepada kitab yang diberikan kepada nabi-nabi

daripada Tuhan mereka, kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka (sebagaimana kamu - Yahudi dan Nasrani - membeza-bezakannya) dan kami semua tunduk dan patuh (berserah diri, tunduk taat) kepada Allah semata-mata". (Surah Al-Baqarah, ayat 136).

Sesiapa yang mendustakan rasul sesungguhnya dia telah mendustakan Tuhan yang membenarkannya dan sesiapa yang menderhaka kepada rasul sesungguhnya dia telah menderhaka kepada Tuhan yang menyuruh mentaatinya. Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya orang-orang yang kufur (ingkar) kepada Allah dan rasul-rasulNya dan (orang-orang yang) hendak membeza-bezakan iman mereka di antara Allah dan rasul-rasulNya dan (orang-orang yang) berkata: Kami beriman kepada sebahagian daripada rasul-rasul itu dan kufur (ingkar) kepada sebahagian yang lain, serta bertujuan mengambil jalan tengah di antara iman dan kufur itu. Mereka itulah orang-orang yang kafir dengan sebenar-benarnya dan Kami telah menyediakan bagi orang-orang kafir itu azab seksa yang menghinakan". (Surah An-Nisa', ayat 150-151).

(2) HAKIKAT KENABIAN (AN-NUBUWWAH).

An-Nubuwwah ialah perantaraan di antara Pencipta dan makhluk dalam menyampaikan syariat. Allah telah memberikan nikmat kepada sesiapa yang dikehendakiNya dari kalangan hamba-hambaNya dan memilih sesiapa yang dikehendakiNya dari kalangan makhlukNya untuk menjalankan tugas kenabian ini dan tidak ada sesiapa yang berhak memilihnya selain daripada Allah I.

Firman Allah Taala:

"Allah memilih utusan-utusanNya di kalangan para malaikat dan daripada kalangan manusia. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui". (Surah Al-Haj, ayat 75).

Martabat kenabian ialah anugerah daripada Allah Taala kepada hambaNya, bukanlah sesuatu yang boleh diusahakan oleh seorang

hamba, ia tidak dapat dicapai dengan banyak melakukan ketaatan atau ibadat, tidak juga dengan dipilih seorang nabi yang lain atas permintaannya, sesungguhnya ia adalah anugerah dan pilihan daripada Allah Taala .

Firman Allah Taala:

“Allah memilih serta mempermudah sesiapa yang dikehendakiNya untuk menerima agama tauhid dan memberi hidayat (kepada agamaNya) sesiapa yang kembali kepadaNya (dengan taat)”. (Surah Asy-Syura, ayat 13).

(3) HIKMAH DIUTUSKAN RASUL.

Hikmah diutuskan rasul-rasul '*alaihimussalam* dapat dilihat daripada contoh berikut:

Pertama: Mengeluarkan hamba-hamba Allah daripada menyembah sesama hamba kepada menyembah Tuhan yang memiliki hamba. Keluar daripada perhambaan kepada makhluk kepada kemerdekaan menyembah Tuhan sekalian hamba.

Firman Allah Taala:

“Dan tidaklah Kami utuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”. (Surah Al-Anbiya', ayat 107).

Kedua: Menjelaskan tujuan sebenar Allah s.w.t menciptakan makhluk, iaitu untuk beribadat kepadaNya serta mentauhidkanNya, semua ini tidak dapat diketahui kecuali melalui ajaran yang dibawa oleh rasul-rasul '*alaihimussalam* yang telah dipilih oleh Allah daripada kalangan makhlukNya serta memberikan mereka kelebihan di atas semua alam semesta.

Firman Allah Taala:

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada setiap umat seorang rasul (dengan memerintahkannya supaya menyeru mereka): Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut”. (Surah An-Nahl, ayat 36).

Ketiga: Mendirikan hujjah ke atas manusia dengan mengutuskan rasul-rasul. Firman Allah Taala:

“Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat), supaya tidak ada bagi manusia itu hujjah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada Hari Kiamat kelak) terhadap Allah sesudah Dia mengutuskan rasul-rasul. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana ”. (Surah An-Nisa', ayat 165).

Keempat: Menerangkan beberapa perkara ghaib yang tidak dapat dicapai oleh manusia dengan akal mereka seperti nama-nama Allah, sifat-sifatNya, mengenali para malaikat, Hari Akhirat dan lainnya.

Kelima: Semua rasul '*alaihimussalam* merupakan contoh ikutan yang sempurna, Allah telah menyempurnakan mereka dengan akhlak yang baik dan juga memelihara mereka daripada *syubuhah* (keraguan) dan syahwat.

Firman Allah Taala:

“Mereka (nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, maka turutilah olehmu (wahai Muhammad) akan petunjuk mereka”. (Surah Al-An'am, ayat 90).

Firman Allah Taala:

“Demi sesungguhnya ada pada mereka itu (Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya) satu contoh tauladan yang baik bagimu”. (Surah Al-Mumtahanah, ayat 6).

Keenam: Memperbaiki, memurni dan membersihkan nafsu serta menjauhkannya daripada perkara-perkara yang merosakkannya. Firman Allah Taala:

“Dialah (Allah) yang telah mengutuskan dari kalangan orang-orang (Arab) yang *Ummiyyin* (buta huruf), seorang Rasul (Nabi Muhammad r) daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya) dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat) serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak)”. (Surah Al-Jumu'ah, ayat 2).

Sabda Nabi s.a.w:

((إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق)). [رواه أحمد والحاكم]

“Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan budi pekerti (akhlak) yang mulia”. (H.R. Ahmad dan Al-Hakim).

(4) TUGAS-TUGAS RASUL.

Rasul-rasul '*alaihimussalam* mempunyai tugas yang mulia, antaranya:

a) Menyampaikan syariat Allah dan menyeru manusia untuk menghambakan diri kepada Allah yang Esa serta menolak semua ibadat kepada selain daripada Allah. Firman Allah Taala:

“(Nabi-nabi yang terdahulu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut untuk melanggar perintahNya dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan Allah dan cukuplah Allah menjadi Penghitung (segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalas mereka)”. (Surah Al-Ahzab, ayat 39).

b) Menjelaskan kepada manusia semua ajaran agama yang telah diturunkan kepada mereka. Firman Allah Taala:

“Dan kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan”. (Surah An-Nahl, ayat 44).

c) Membawa umat ke arah kebaikan dan menjauhkan mereka daripada melakukan kejahatan, memberi khabar gembira tentang pahala (kepada mereka yang melakukan kebaikan) serta memberi amaran kepada (mereka yang melakukan kejahatan) dengan siksaan. Firman Allah Taala:

“Rasul-rasul (yang Kami telah utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang berbuat maksiat)”. (Surah An-Nisa', ayat 165).

d) Memperbaiki manusia dengan menunjukkan contoh ikutan yang baik dalam perkataan dan perbuatan.

e) Menegakkan dan melaksanakan syariat Allah di kalangan manusia.

f) Semua rasul akan menjadi saksi ke atas umatnya pada Hari Kiamat bahawa mereka telah menyampaikan syariat Allah kepada umat dengan jelas. Firman Allah Taala:

“Maka bagaimanakah (keadaan orang-orang kafir pada Hari Akhirat kelak), apabila Kami datangkan dari tiap-tiap umat seorang saksi (iaitu rasul mereka sendiri menjadi saksi terhadap perbuatan mereka) dan Kami juga datangkan engkau (wahai Muhammad) sebagai saksi terhadap umatmu”. (Surah An-Nisa', ayat 41).

(5) ISLAM IALAH AGAMA SEMUA NABI.

Islam ialah agama semua nabi dan rasul. Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam". (Surah Ali 'Imran, ayat 19).

Semua nabi dan rasul *'alaihimussalam* menyeru manusia kepada menyembah Allah Yang Esa dan menolak semua ibadat yang lain, walaupun berbeza dari segi syariat (perundangan) dan hukum, tetapi sama pada asasnya iaitu Tauhid kepada Tuhan Yang Esa.

Sabda Nabi s.aw:

((الأنبياء إخوة لعلات)) . [رواه البخاري]

"Semua nabi adalah adik beradik tiri (sebaka tapi berlainan ibu)". (H.R. Al-Bukhari).

(6) RASUL-RASUL ADALAH MANUSIA BIASA, MEREKA TIDAK MENGETAHUI PERKARA YANG GHAIB.

Mengetahui perkara ghaib merupakan ciri-ciri sifat *uluhiyyah* (ketuhanan) dan bukannya daripada sifat nabi, kerana mereka manusia biasa seperti manusia lain juga, mereka makan, minum, berkahwin, tidur, sakit dan merasai kepenatan.

Firman Allah Taala:

"Dan Kami tidak mengutus rasul-rasul sebelummu (wahai Muhammad) melainkan sesungguhnya mereka juga makan, minum dan berjalan di pasar-pasar". (Surah Al-Furqan, ayat 20).

Firman Allah Taala:

"Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus rasul-rasul sebelummu dan Kami jadikan bagi mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan". (Surah Ar-Ra'd, ayat 38).

Mereka juga mempunyai perasaan seperti manusia lain, sedih, suka, susah dan senang, tetapi mereka mempunyai kelebihan kerana dipilih oleh Allah s.w.t sebagai penyampai agamaNya dan

mereka tidak mengetahui perkara ghaib kecuali perkara-perkara yang Allah Taala tunjukkan kepada mereka.

Firman Allah Taala:

“Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuinya itu kepada sesiapaupun melainkan kepada mana-mana rasul yang diredhaiNya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya, apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka Dia mengadakan di hadapan dan di belakang rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasinya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan)”. (Surah Al-Jin, ayat 26-27).

(7) 'ISMAH (PEMELIHARAAN) RASUL.

Allah Taala telah memilih orang yang akan membawa dan menyampaikan risalahNya daripada sebaik-baik makhluk dan semulia-mulia kejadian dan akhlak, Allah juga menjaga mereka daripada melakukan sebarang dosa dan melepaskan mereka daripada sebarang cacat-cela sehingga mereka dapat menyampaikan wahyu Allah kepada umat mereka. Mereka semua *ma'sum* (terpelihara daripada kesalahan) dalam menyampaikan semua perkara dan ajaran (risalah) yang datang daripada Allah Taala. Inilah pendapat yang disepakati ummah (ulama'). Firman Allah Taala:

“Wahai Rasulullah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya dan Allah jualah yang memeliharaku dari (kejahatan) manusia. (Surah Al-Maidah, ayat 67).

Firman Allah Taala:

“(Nabi-nabi yang terdahulu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah serta mereka takut melanggar

perintahNya dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah". (Surah Al-Ahzab, ayat 39).

Firman Allah Taala:

"(Tuhan mengadakan malaikat-malaikat itu) supaya Dia mengetahui bahawa sesungguhnya (dengan jagaan mereka) rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka (dengan sempurna), padahal Dia memang mengetahui dengan meliputi segala keadaan yang ada pada mereka serta Dia menghitung tiap-tiap sesuatu, satu persatu". (Surah Al-Jin, ayat 28).

Apabila salah seorang daripada mereka melakukan kesalahan kecil yang tidak bersangkutan dengan penyampaian risalah Allah, maka Allah akan menegur mereka dan dengan segera mereka akan bertaubat dan kembali kepada Allah, seolah-olah mereka tidak melakukan kesalahan tersebut dan dengan demikian mereka akan mencapai martabat yang lebih tinggi daripada martabat sebelumnya. Ini kerana Allah telah menentukan semua Nabi – *selawat dan salam Allah ke atas mereka*- mempunyai akhlak yang mulia dan sifat yang terpuji serta membersihkan mereka daripada perkara yang menjatuhkan martabat dan kedudukan mereka.

(8) BILANGAN NABI DAN RASUL SERTA YANG TERAFDHAL DI KALANGAN MEREKA.

Telah sabit bahawa bilangan rasul-rasul '*alaihimussalam* lebih dari 300 orang, kerana sabda Nabi s.a.w. ketika ditanya tentang bilangan rasul-rasul:

((ثلاثمائة وخمسة عشرة جمّاً غفيراً)) . [رواه الحاكم] .

"Tiga ratus lima belas orang ramainya". (H.R. Al-Hakim).

Bilangan nabi pula lebih ramai daripada yang tersebut, sebahagian daripada mereka, Allah telah sebutkan kisahnya kepada kita di dalam kitabNya, sebahagian yang lain pula tidak disebut kisahnya kepada kita.

Allah telah menyebut dalam kitabNya seramai 25 orang Nabi dan Rasul.

Firman Allah Taala:

“Dan (Kami telah mengutuskan) beberapa orang rasul yang telah Kami ceritakan kepadamu dahulu (sebelum ini) dan rasul-rasul yang tidak Kami ceritakan hal mereka kepadamu”. (Surah An-Nisa', ayat 164).

Firman Allah Taala:

“Dan itulah hujjah (bukti) Kami, yang Kami berikan kepada Nabi **Ibrahim** untuk mengalahkan kaumnya. Kami tinggikan pangkat-pangkat (kedudukan) sesiapa yang Kami kehendaki. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui. Dan Kami telah kurniakan kepada Nabi Ibrahim: (anaknya) **Ishak** (dari isterinya Sarah) dan (cucunya) **Yaakub**. Tiap-tiap seorang (daripada mereka) Kami telah kurniakan petunjuk dan juga Nabi **Nuh** Kami telah berikan petunjuk dahulu sebelum itu dan dari keturunan Nabi Ibrahim itu (ialah Nabi-nabi): **Daud, Sulaiman, Ayub, Yusuf, Musa dan Harun** dan demikianlah Kami berikan balasan kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya. Dan (dari keturunannya juga ialah Nabi-nabi): **Zakaria, Yahya, 'Isa dan Ilyas**, semuanya dari kalangan orang-orang yang soleh. Dan (dari keturunannya juga ialah Nabi-nabi): **Ismail, Ilyasa', Yunus, Lut** dan mereka itu semuanya, Kami lebihkan darjat mereka atas umat-umat (yang ada pada zamannya). Dan (Kami juga lebihkan darjat) sebahagian daripada datuk nenek mereka, keturunan mereka dan saudara-saudara mereka. Kami telah memilih mereka, serta Kami tunjukkan kepada mereka jalan yang lurus. (Surah Al-An'am, ayat 83-87).

Allah Taala telah melebihi darjat sebahagian para nabi di atas sebahagian yang lain, firman Allah Taala:

“Dan sesungguhnya Kami telah melebihi sebahagian nabi-nabi atas sebahagian yang lain”. (Surah Al-Isra', ayat 55).

Allah Taala juga telah melebihi darjat sebahagian rasul di atas sebahagian yang lain, firman Allah Taala:

“Rasul-rasul Kami lebihkan sebahagian daripada mereka di atas sebahagian yang lain (dengan kelebihan-kelebihan yang tertentu)”. (Surah Al-Baqarah, ayat 253).

Dan yang paling afdhal di kalangan mereka ialah “*Ulul ‘Azmi*” daripada rasul-rasul. Mereka ialah: Nabi Nuh, Ibrahim, Musa, ‘Isa dan Muhammad *‘Alaihimussalam*. Firman Allah Taala:

“(Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya rasul-rasul “*Ulul ‘Azmi*” (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu)”. (Surah Al-Ahqaf, ayat 35).

Firman Allah Taala:

“Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil dari nabi-nabi (umumnya) perjanjian setia mereka dan (khususnya) dari engkau sendiri (wahai Muhammad) dan dari Nabi Nuh dan Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi ‘Isa ibni Mariam dan Kami telah mengambil dari mereka perjanjian setia lagi teguh (bagi menyempurnakan apa yang ditugaskan kepada mereka)”. (Surah Al-Ahzab, ayat 7).

Nabi Muhammad s.a.w. ialah Rasul yang paling mulia, penutup sekalian nabi, Imam (pemimpin) orang-orang bertakwa, penghulu sekalian anak Adam, Imam kepada semua nabi-nabi ketika berhimpun dan jurucakap mereka ketika dibangkitkan (di padang mahsyar), pemilik “*Maqam Al-Mahmud*” iaitu kedudukan tertinggi yang menjadi impian semua kaum yang terdahulu dan kemudian, pemilik “*Liwa’ Al-Hamd*” bendera yang terpuji, kolam yang dikunjungi (pada Hari Kiamat), pemberi syafaat pada Hari Kiamat, yang mempunyai segala keutamaan dan kelebihan, Allah Taala mengutusnyanya dengan membawa syariat agama yang paling mulia, menjadikan umatnya sebaik-baik umat dari kalangan umat manusia, Allah telah menghimpunkan kepada Nabi Muhammad dan umatnya segala kebaikan dan kemuliaan yang membezakannya

dengan orang-orang sebelum mereka dan mereka adalah umat yang terakhir dijadikan dan yang terawal dibangkitkan (pada Hari Kiamat). Sabda Nabi s.a.w:

((فضلت على الأنبياء بست...)) [رواه مسلم].

"Aku telah diberi kelebihan oleh Allah mengatasi semua nabi dengan enam perkara...". (H.R. Muslim).

Dan sabda Nabi s.a.w. lagi:

((أنا سيد ولد آدم يوم القيامة، وببيدي لواء الحمد ولا فخر. وما من نبي يومئذ آدم فمن سواه إلا تحت لوائي يوم القيامة)) [رواه أحمد والترمذي].

"Aku penghulu anak Adam pada Hari Kiamat dan di tanganku bendera kepujian dan aku tidak berasa megah. Tidak terkecuali seorang nabi pun, walaupun Nabi Adam, juga orang lain pada hari itu kecuali semuanya berada di bawah panjiku pada Hari Kiamat". (H.R. Ahmad dan At-Tirmizi).

Kedudukan kedua selepas Rasulullah s.a.w dari kalangan "Ulul 'Azmi" ialah Nabi Ibrahim a.s. yang diberi gelaran "Khalil Ar-Rahman" ertinya: kekasih Allah. Rasulullah r dan Nabi Ibrahim ialah yang paling afdhal di kalangan "Ulul 'Azmi" kemudian diikuti oleh tiga orang Rasul yang seterusnya.

(9) MUKJIZAT / TANDA-TANDA KEBENARAN NABI-NABI 'ALAIHIMUSSALAM.

Allah Taala telah menguatkan dakwah para rasul dengan tanda-tanda yang besar dan mukjizat yang nyata sebagai hujjah yang menguatkan atau keperluan yang diperlukan, seperti Al-Quran, terbelahnya bulan, tongkat menjadi ular, menjadikan burung daripada tanah dan sebagainya.

Mukjizat yang berlaku dengan cara yang luar biasa itu menjadi dalil terhadap kebenaran dakwaan bahawa mereka adalah nabi

yang benar. Karamah pula menjadi dalil kepada kebenaran pengikut nabi yang benar.

Firman Allah Taala:

“Demi sesungguhnya! Kami telah mengutuskan rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang nyata”. (Surah Al-Hadid, ayat 25).

Sabda Nabi s.a.w.

((ما من نبي من الأنبياء إلا وقد أوتي من الآيات ما آمن على مثله البشر، وإنما كان الذي أوتيته وحياً أوحاه إلي، فأرجو أن أكون أكثرهم تابعاً يوم القيامة)) . [متفق عليه].

“Tidak ada seorang pun Nabi yang diutuskan di kalangan para nabi kecuali Allah Taala memberikan kepada mereka tanda-tanda (mukjizat) yang akan menjadikan manusia mempercayainya, sesungguhnya yang diberikan kepadaku ialah wahyu yang Allah telah sampaikan kepadaku dan aku berharap akan mendapat pengikut yang paling ramai pada Hari Kiamat kelak”. (Muttafaq ‘Alaih: Al-Bukhari dan Muslim).

(10) BERIMAN DENGAN KENABIAN NABI MUHAMMAD S.A.W.

Beriman dengan kenabiannya s.a.w. merupakan asas yang utama daripada asas-asas iman, tidak terlaksana iman kecuali dengan beriman kepadanya.

Firman Allah Taala:

“Dan (ingatlah bahawa) sesiapa yang tidak beriman kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya Kami sediakan bagi orang-orang kafir itu api neraka yang menjulang-julang. (Surah Al-Fath, ayat 13).

Sabda Nabi s.a.w,

((أمرت أن أقاتل الناس حتى يشهدوا أن لا إله إلا الله وأني رسول الله)). [رواه مسلم].

“Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka mengakui bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah dan aku adalah Rasulullah”. (H.R. Muslim).

Tidak sempurna beriman dengan Rasulullah s.a.w. kecuali dengan melakukan perkara-perkara berikut:

Pertama: Mengenal Nabi kita Muhammad s.a.w, nama Baginda ialah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hashim. Hashim dari keturunan Quraish. Quraish dari keturunan Arab. Arab dari keturunan Nabi Ismail bin Ibrahim Al-Khalil, *ke atas mereka berdua dan ke atas Nabi kita sebaik-baik selawat dan salam.*

Nabi s.a.w. hidup selama 63 tahun, 40 tahun sebelum diangkat menjadi nabi dan 23 tahun selepas menjadi nabi dan rasul.

Kedua: Membenarkan semua khabar yang dibawanya, melaksanakan semua suruhannya serta menjauhi semua perkara yang dilarang dan ditegahnya, tidak menyembah Allah kecuali dengan menurut ajaran yang disyariatkannya.

Ketiga: Beriktikad bahawa Baginda s.a.w telah diutuskan oleh Allah untuk semua jin dan manusia, tidak ada seorang pun dari kalangan mereka yang dikecualikan daripada mengikutinya. Firman Allah Taala:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semua”. (Surah Al-A'raf, ayat 158).

Keempat: Beriman dengan risalahnya dan Baginda s.a.w adalah nabi yang paling afdhal dan nabi yang terakhir.

Firman Allah Taala:

"Tetapi dia adalah Rasulullah dan kesudahan segala nabi-nabi". (Surah Al-Ahzab, ayat 40).

Baginda adalah *khalil* (kekasih) Tuhan Ar-Rahman, penghulu sekalian anak Adam, Nabi yang diberi kuasa syafaat yang besar (pada Hari Kiamat) yang mempunyai darjat yang tinggi di dalam syurga, Nabi yang mempunyai kolam yang didatangi oleh seluruh umat dan umatnya adalah sebaik-baik umat. Firman Allah Taala:

"Kamu (wahai umat Muhammad s.a.w.) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia". (Surah Ali 'Imran, ayat 110).

Penghuni syurga yang paling ramai adalah dari kalangan umatnya, risalah (ajaran)nya memansuhkan semua risalah-risalah yang terdahulu.

Kelima: Allah Taala telah menguatkan risalahnya dengan mukjizat yang besar serta tanda-tanda yang jelas iaitu Al-Quran, kalam Allah yang terpelihara daripada sebarang perubahan dan penyelewengan.

Firman Allah Taala:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan Al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri". (Surah Al-Isra', ayat 88).

Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya". (Surah Al-Hijr, ayat 9).

Keenam: Beriman bahawa Rasulullah s.a.w telah menyampaikan risalah, menunaikan amanah dan menasihati ummah, tidak ada suatu kebaikan kecuali ditunjukkan kepada umatnya dan

menggalakkan mereka melakukannya, tidak ada suatu kejahatan kecuali ditegah umatnya daripada melakukannya dan menjauhkan mereka daripadanya.

Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w) yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu dan dia pula menumpahkan perasaan belas kasihan serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman". (Surah At-Taubah, ayat 128).

Sabda Nabi s.a.w:

((ما من نبي بعثه الله في أمة قبلي إلا كان حقاً عليه أن يدل أمة على خير ما يعلمه لهم، ويحذر أمة من شر ما يعلمه لهم)) . [رواه مسلم] .

"Tidak ada seorang Nabi yang diutuskan oleh Allah kepada umat yang terdahulu melainkan menjadi tanggungjawab ke atasnya untuk menunjukkan umatnya ke arah kebaikan yang diberitahu kepada mereka dan memberi amaran kepada umatnya daripada melakukan kejahatan yang telah diberitahu kepada mereka". (H.R. Muslim).

Ketujuh: Cintakan Nabi s.a.w. Mendahulukan mahabbah (cinta dan kasihnya) kepada Rasulullah s.a.w lebih daripada kasihkan dirinya sendiri dan semua makhluk, memuliakannya, menghormati dan mentaatinya, kerana semua ini adalah merupakan hak Nabi ke atas umatnya yang telah diwajibkan oleh Allah di dalam kitabNya, kerana cinta dan kasih kepada Nabi s.a.w merupakan cinta dan kasih kepada Allah dan mentaatinya merupakan ketaatan kepada Allah.

Firman Allah Taala:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta

mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani". (Surah Ali 'Imran, ayat 31).

Sabda Nabi s.a.w.

((لا يؤمن أحدكم حتى أكون أحب إليه من ولده ووالده والناس أجمعين))
[متفق عليه].

"Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga dia mengasihi diriku lebih daripada dia mengasihi anaknya, bapanya dan manusia seluruhnya". (Muttafaq 'Alaih: Al-Bukhari dan Muslim).

Kelapan: Mengucapkan selawat dan salam ke atas Nabi s.a.w serta memperbanyakkannya kerana orang bakhil ialah mereka yang apabila disebut nama Nabi r dia tidak mengucap salam ke atasnya.

Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w), wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya". (Surah Al-Ahzab, ayat 56).

Sabda Nabi s.a.w:

((من صلى عليّ واحدة، صلى الله عليه بها عشراً)). [رواه مسلم].

"Sesiapa yang berselawat ke atasku sekali Allah akan berselawat ke atasnya sepuluh kali". (H.R. Muslim).

Selawat sangat dituntut (setengahnya wajib) pada beberapa tempat, antaranya:

Dalam tasyahud ketika solat, qunut, solat jenazah, khutbah Jumaat, selepas azan, ketika memasuki masjid dan ketika keluar daripadanya, ketika berdoa, ketika disebut nama Nabi s.a.w. dan beberapa tempat yang lain.

Kesembilan: Nabi s.a.w dan semua para nabi *'alaihimussalam* hidup di sisi Tuhan mereka sebagai kehidupan di alam barzakh, lebih sempurna dan lebih tinggi daripada kehidupan para syuhada (orang yang mati syahid), namun kehidupan mereka bukan seperti kehidupan di dunia, ia merupakan suatu kehidupan yang kita tidak mengetahui kaifiat (bentuk)nya, tidak boleh dibuang perkataan mati (wafat) daripada mereka.

Sabda Nabi s.a.w:

((إن الله حرم على الأرض أن تأكل أجساد الأنبياء)) . [رواه أبو داود والنسائي] .

"Allah Taala mengharamkan ke atas bumi daripada memakan jasad para nabi *'alaihimussalam*". (H.R. Abu Daud dan An-Nasai).

Dan sabdanya:

((ما من مسلم يسلم عليّ إلا رد الله عليّ روحي كي أرد عليه السلام)) . [رواه أبو داود] .

"Tidak ada seorang muslim yang mengucap salam ke atasku kecuali Allah Taala mengembalikan roh kepadaku supaya aku menjawab salam". (H.R. Abu Daud).

Kesepuluh: Antara tanda menghormati Nabi s.a.w ialah tidak mengangkat suara ketika bersamanya semasa hayatnya, demikian juga ketika memberi salam kepadanya di kuburnya. Firman Allah Taala:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana sebahagian kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan sebahagian yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak terhapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya". (Surah Al-Ahzab, ayat 2).

Kehormatannya s.a.w. selepas wafat sama seperti kehormatan semasa hidupnya, maka kita wajib menghormatinya sebagaimana generasi pertama (sahabat) telah melakukannya – *semoga Allah meredhai mereka semua*- kerana mereka benar-benar mengikuti semua ajaran Rasulullah s.a.w dan amat jauh daripada menyalahi ajarannya atau mereka-reka ajaran yang tidak ada dalam agama Allah.

Kesebelas: Mencintai Sahabat-sahabat Nabi r.hum, ahli keluarganya dan isteri-isterinya. Menyokong (mempertahankan) mereka semuanya, berhati-hati daripada memperkecilkan kedudukan mereka, mencela atau membuat tuduhan jahat terhadap mereka, kerana Allah Taala telah meredhai mereka semua dan memilih mereka menjadi sahabat Nabi s.a.w. dan mewajibkan ke atas umat ini menyokong dan membela mereka.

Firman Allah Taala:

“Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari kalangan orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar" dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha terhadap mereka dan mereka pula redha terhadapNya". (Surah At-Taubah, ayat 100).

Sabda Nabi s.a.w:

((لا تسبوا أصحابي، فوالذي نفسي بيده لو أنفق أحدكم مثل أحد ذهباً ما بلغ مد أحدهم ولا نصيفه)) [رواه البخاري].

“Jangan sekali-kali kamu mencela sahabat-sahabatku, demi Tuhan yang diriku berada di tanganNya, walaupun kamu memberi nafkah emas sebesar Bukit Uhud nescaya tidak sama dengan nafkah yang mereka berikan secupak atau setengahnya". (H.R. Al-Bukhari).

Allah Taala telah menggalakkan orang-orang yang datang selepas mereka agar beristighfar (meminta ampun) untuk mereka dan memohon daripada Allah agar tidak menjadikan dalam hati mereka perasaan yang tidak baik terhadap orang-orang beriman.

Firman Allah Taala:

“Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmatMu”. (Surah Al-Hasyr, ayat 10).

Kedua belas: Jauhi daripada bersikap melampau (*ghuluw*) terhadap Nabi s.a.w, sikap yang sedemikian boleh menyakiti Baginda s.a.w kerana Baginda telah memberi amaran kepada umatnya daripada bersikap melampau terhadapnya dan berlebihan dalam memuji dan memujanya dengan meletakkan martabatnya lebih tinggi daripada martabat yang Allah Taala berikan kepadanya, martabat yang hanya layak bagi Tuhan Pencipta *Azzajawalla*.

Sabda Nabi s.a.w:

((إنما أنا عبد فقولوا عبد الله ورسوله، لا أحب أن ترفعوني فوق منزلتي)).

“Sesungguhnya aku adalah seorang hamba, maka ucaplah: Hamba Allah dan rasulNya. Aku tidak suka kamu mengangkatku lebih daripada darjat yang Allah berikan kepadaku”.

Sabda Nabi s.a.w.:

((لا تطروني كما أطرت النصارى ابن مريم)) . [رواه البخاري] .

“Jangan kamu bersikap melampaui (memujiku) sebagaimana orang-orang Nasrani melakukannya terhadap ‘Isa ibni Maryam”. (H.R. Al-Bukhari).

Tidak boleh berdoa meminta sesuatu daripada Nabi s.a.w atau memohon bantuan dengannya (selepas Nabi wafat). Tidak boleh melakukan tawaf mengelilingi kuburnya, bernazar atau mengorbankan haiwan untuknya kerana semua perbuatan tersebut

membawa kepada syirik (menyengutukan) Allah, sedangkan Allah Taala telah menegah daripada melakukan sebarang ibadat kepada selain daripadaNya.

Sebaliknya pula sesiapa yang tidak menghormati Nabi s.a.w, ada perasaan benci kepadanya, memperlekehkannya, memandang hina kepadanya atau mempermain-mainkannya, akan membawanya kepada *riddah* (murtad) daripada Islam dan kufur kepada Allah.

Firman Allah Taala:

"Katakanlah: Patutkah dengan nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya? Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman". (Surah At-Taubah, ayat 66).

Cinta sebenar kepada Rasulullah s.a.w.ialah dengan mengikut petunjuk yang dibawanya dan melaksanakan Sunnahnya serta meninggalkan semua perkara yang menyalahi ajarannya s.a.w.

Firman Allah Taala:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (Surah Ali 'Imran, ayat 31).

Kita wajib bersifat sederhana dalam menghormati dan memuliakan Rasulullah s.a.w, tidak melampaui batas dan tidak pula merendahkan martabatnya, jangan sekali-kali menjadikannya bersifat dengan sifat-sifat ketuhanan (*uluhiyyah*) dan jangan pula mengurangkan haknya dan pangkat ketinggian yang Allah berikan kepadanya, kita wajib mencintai dan mengasihinya dengan mengikuti syariat yang dibawanya dan beramal di atas landasan petunjuknya dan menuruti jejak langkahnya s.a.w.

Ketiga belas: Beriman dengan Nabi s.a.w. tidak terlaksana kecuali dengan membenarkannya dan beramal dengan semua ajaran yang dibawanya. Inilah makna taat kepadanya s.a.w, kerana taat kepada perintahnya bererti taat kepada Allah dan menderhakainya bermakna menderhakai Allah Taala. Oleh itu dengan terlaksananya kebenaran dan ketaatan kepadanya maka terlaksanalah iman kepada Baginda s.a.w.

RUKUN KELIMA: BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT

Video Syarah Rukun Iman – Percaya Dengan Hari Akhirat

<http://tinyurl.com/qjuvzrd>

(1) BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT.

Iaitu iktikad (percaya) akan berakhirnya kehidupan dunia dan memasuki kehidupan akhirat selepasnya, ianya bermula dengan kematian dan kehidupan di alam barzakh (kubur), diikuti dengan berlakunya kiamat kemudian dibangkitkan semula (seluruh manusia) dan dihimpunkan di Padang Mahsyar, selepas itu mereka akan menerima balasan sama ada ke syurga atau neraka.

Beriman dengan Hari Akhirat merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Tidak sempurna iman seseorang kecuali beriman dengannya, sesiapa yang mengingkarinya adalah kafir. Firman Allah Taala:

“Tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan Hari Akhirat”. (Surah Al-Baqarah, ayat 177).

Sabda Nabi s.a.w. sebagaimana yang tersebut di dalam hadis Jibrail: Sewaktu Jibrail bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang iman. Katanya: “Beritahu kepada saya pengertian iman”. Sabda Nabi s.a.w.:

((أن تؤمن بالله، وملائكته، وكتبه، ورسله، واليوم الآخر، وأن تؤمن بالقدر خيره وشره))
[رواه مسلم]

“Hendaklah engkau beriman dengan Allah, para malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya dan Hari Akhirat serta Qadar (ketetapan) yang baik dan buruk”. (H.R. Muslim).

Di antara perkara yang wajib kita beriman dengannya ialah permulaan (mukaddimah) Hari Akhirat yang telah diberitahu oleh

Rasulullah s.a.w iaitu perkara-perkara yang akan berlaku sebagai tanda hampirnya kiamat.

Para ulama' telah membahagikan tanda-tanda kiamat kepada dua bahagian:

(a) Tanda-tanda kecil.

Iaitu tanda yang menunjukkan hampirnya kiamat, tanda-tanda ini sangat banyak, kebanyakannya telah berlaku walaupun tidak kesemuanya, antaranya:

Kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w, amanah telah disia-siakan, menghiasi masjid dan berbangga-bangga dengannya, penggembala kambing (orang-orang kampung) mendirikan bangunan yang tinggi, peperangan dengan Yahudi dan orang Islam akan membunuh mereka, masa menjadi singkat, manusia kurang melakukan amal kebajikan, banyak timbulnya fitnah, banyak berlaku pembunuhan, berleluasanya penzinaan dan kefasikan. Firman Allah Taala:

"Telah hampir saat (kedatangan Hari Kiamat) dan terbelahlah bulan". (Surah Al-Qamar, ayat 1).

b) Tanda-tanda kiamat yang besar.

Iaitu tanda-tanda atau alamat yang akan berlaku apabila hampir kiamat dan peringatan kepada permulaan akan terjadinya kiamat, tanda-tanda tersebut terdapat sebanyak 10 perkara dan belum ada yang terjadi lagi sehingga sekarang.

Antara tanda-tanda tersebut ialah:

- 1) Keluarnya Imam Mahdi.
- 2) Munculnya Dajjal.
- 3) Turunnya Nabi 'Isa a.s. dari langit dan melaksanakan pemerintahan yang adil, mematahkan salib, membunuh Dajjal

dan khinzir, menghapuskan *jizyah* (bayaran cukai yang dikenakan ke atas orang kafir yang berada di dalam negara Islam) dan melaksanakan syariat (perundangan) Islam.

- 4) Keluarnya Ya'juj dan Ma'juj dan kemudiannya Nabi 'Isa a.s. berdoa supaya mereka dimatikan.
- 5) Berlaku tiga *khusuf* (manusia ditelan bumi): di timur, di barat dan di Semenanjung Tanah Arab.
- 6) Keluarnya asap tebal dari langit yang menyelubungi dan menutupi manusia.
- 7) Diangkatkan Al-Quran dari bumi ke langit.
- 8) Terbitnya matahari dari sebelah barat.
- 9) Keluarnya *Dabbah* (binatang besar yang keluar dari Bukit Safa).
- 10) Keluarnya api besar dari sebelah 'Adan (Yaman) menghalau manusia menuju ke arah Syam (Syria dan Jordan), inilah alamat besar yang terakhir.

Imam Muslim telah meriwayatkan daripada Huzaifah bin Usaid Al-Ghifari r.a. katanya: 'Nabi s.a.w datang sedang kami duduk berbincang, maka sabdanya: "Apa yang kamu bincangkan?". Kami menjawab: 'Kami berbincang tentang kiamat'. Sabdanya:

((إنها لن تقوم حتى تروا قبلها عشر آيات. فذكر: الدخان، والدجال، والدابة، وطلوع الشمس من مغربها، ونزول عيسى بن مريم، ويأجوج، وثلاثة خسوف: خسف بالمشرق، وخسف بالمغرب، وخسف بجزيرة العرب، وآخر ذلك نار تخرج من اليمن تطرد الناس إلى محشرهم)). [رواه مسلم].

"Tidak akan berlaku kiamat sehingga kamu melihat sepuluh tanda ini. Maka disebutnya (tanda-tanda itu ialah): Asap, Dajjal, *Dabbah* (binatang besar), terbit matahari dari sebelah barat, turun Nabi 'Isa a.s., keluar Ya'juj, berlaku tiga *khusuf* (manusia ditelan

bumi): di timur, di barat dan di Semenanjung Tanah Arab dan yang terakhirnya keluar api dari arah Yaman menghalau manusia menuju ke tempat perhimpunan mereka (*mahsyar*)". (H.R. Muslim).

Sabda Nabi s.a.w:

((يخرج في آخر أمتي المهدي، يسقيه الله الغيث، وتخرج الأرض نباتها، ويعطي المال صحاحاً، وتكثر الماشية، وتعظم الأمة، يعيش سبعمائة، أو ثمانمائة، يعني حجاً)) [رواه الحاكم في المستدرك].

"Akan keluar di akhir zaman umatku Al-Mahdi, (diwaktu itu) Allah Taala akan menurunkan hujan, maka bumi akan mengeluarkan tanaman, harta menjadi banyak, binatang ternakan membiak, dimulihkan umat ini, beliau hidup selama tujuh atau lapan tahun". (H.R. Al-Hakim dalam Al-Mustadrak).

Terdapat riwayat yang menyebut bahawa tanda-tanda ini akan terjadi mengikut turutan satu demi satu, seperti permata yang di cucuk dengan tali, apabila berlaku tanda yang pertama akan diikuti dengan yang kedua dan seterusnya dan apabila semuanya terjadi maka berlakulah kiamat dengan izin Allah Taala.

Maksud Hari Kiamat ialah: hari yang dikeluarkan manusia dari kubur mereka dengan perintah Allah untuk pembalasan, maka sesiapa yang baik akan mendapat nikmat dan sesiapa yang jahat akan diazab.

Firman Allah Taala:

"Pada hari mereka segera keluar dari kubur masing-masing menuju (ke Padang Mahsyar) dengan keadaan seolah-olah mereka berkejaran ke (tempat) berhala-berhala (yang mereka sembah dahulu)". (Surah Al-Ma'arij, ayat 43).

Hari Kiamat disebut dengan pelbagai nama dalam Al-Quran, antaranya:

Hari Kiamat, Al-Qari'ah (hari yang menggemparkan), Hari Perhitungan, Hari Pembalasan, At-Tommah (hari bencana), Al-Waqi'ah (kiamat), Al-Haqqah (saat yang tetap berlaku), As-Sokkhah (suara jeritan yang dahsyat), Al-Ghasyiah (huru-hara yang meliputi) dan lainnya.

Dalil daripada Al-Quran berkenaan dengan nama-nama tersebut:

1) Hari Kiamat. Firman Allah Taala:

"Aku bersumpah dengan Hari Kiamat". (Surah Al-Qiyamah, ayat 1).

2) Al-Qari'ah (hari yang menggemparkan). Firman Allah Taala:

"Hari yang menggemparkan, Apa dia hari yang menggemparkan itu?". (Surah Al-Qari'ah, ayat 1-2).

3) Hari Perhitungan. Firman Allah Taala:

"Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu". (Surah Sad, ayat 26).

4) Hari Pembalasan. Firman Allah Taala:

"Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, ditempatkan di dalam neraka yang menjulang-julang. Mereka menderita dengan bakaran neraka itu pada hari pembalasan". (Surah Al-Infitar, ayat 14-15).

5) At-Tommah (Hari Bencana). Firman Allah Taala:

"Maka apabila datang hari yang bencananya amat besar". (Surah An-Nazi'at, ayat 34).

6) Al-Waqi'ah (Kiamat). Firman Allah Taala:

“Apabila berlaku Hari Kiamat itu”. (Surah Al-Waqi'ah, ayat 1).

7) Al-Haqqah (Saat yang tetap berlaku). Firman Allah Taala:

“Saat yang tetap berlaku itu. Apakah ia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu?”. (Surah Al-Haqqah, ayat 1-2).

8) As-Sokkhah (suara jeritan yang dahsyat). Firman Allah Taala:

“Kemudian (ingatlah keadaan yang berlaku) apabila datang suara jeritan yang dahsyat”. (Surah 'Abasa, ayat 33).

9) Al-Ghasyiah (huru-hara yang meliputi). Firman Allah Taala:

“Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal Hari Kiamat yang huru-haranya meliputi?”. (Surah Al-Ghasyiah, ayat 1).

(2) SIFAT BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT.

Beriman dengan Hari Akhirat secara umum dan terperinci.

Secara umum: iaitu kita beriman bahawa di sana ada hari yang Allah himpulkan pada hari tersebut orang-orang yang terdahulu dan orang-orang yang terkemudian, lalu Allah membalas setiap orang mengikut amalan yang dilakukannya, sebahagiannya ke syurga dan sebahagian lagi ke neraka. Firman Allah Taala:

“Katakanlah (kepada mereka): Sesungguhnya orang-orang yang telah lalu dan orang-orang yang terkemudian tetap akan dihimpunkan pada masa yang ditentukan pada Hari Kiamat yang termaklum”. (Surah Al-Waqi'ah, ayat 49-50).

Secara terperinci: iaitu beriman dengan semua perkara yang berlaku selepas mati, ia merangkumi beberapa perkara, antaranya:

Pertama: Fitnah kubur.

Iaitu mayat akan disoal selepas dikebumikan tentang Tuhannya, agamanya dan Nabinya Muhammad s.a.w. Maka Allah Taala menetapkan orang-orang yang beriman dengan jawapan yang teguh, sebagaimana yang telah disebutkan di dalam hadis, ketika orang yang beriman disoal mereka akan menjawab:

((ربي الله ، وديني الإسلام، ونبي محمد . [متفق عليه] .))

"Tuhanku ialah Allah, agamaku Islam dan nabiku Muhammad s.a.w.". (Hadis *Muttafaq 'Alaih*).

Maka kita wajib beriman dengan semua perkara yang telah disebut di dalam hadis, antaranya soalan dari Munkar dan Nakir, cara-cara mereka menyoal dan jawapan daripada orang-orang mukmin serta jawapan daripada orang-orang munafik.

Kedua: Azab kubur dan nikmatnya.

Wajib beriman dengan azab kubur dan nikmatnya, sama ada kubur itu merupakan satu lubang dari lubang-lubang neraka atau satu taman dari taman-taman syurga. Kubur merupakan perhentian pertama daripada beberapa perhentian akhirat, sesiapa yang selamat daripada azab kubur maka perhentian yang berikutnya akan menjadi lebih mudah baginya dan sesiapa yang tidak terselamat daripada azabnya maka yang seterusnya lebih dahsyat lagi. Sesiapa yang mati bererti bermulalah kiamatnya.

Nikmat dan azab akan menimpa roh dan jasad di dalam kubur, adakalanya akan menimpa roh sahaja. Azabnya akan menimpa ke atas orang-orang yang zalim dan nikmatnya untuk orang-orang yang beriman lagi benar.

Mayat akan tetap diazab atau dikurniakan nikmat di alam barzakh, tidak kira sama ada ianya dikebumikan di dalam kubur atau pun tidak, sekalipun dibakar, tenggelam dalam air, dimakan

binatang buas atau burung pasti ia akan mendapat balasan siksa atau nikmat.

Firman Allah Taala berkenaan dengan azab kubur:

“Mereka didedahkan kepada bahang api neraka pada waktu pagi dan petang (semasa mereka berada dalam alam barzakh) dan pada hari berlakunya kiamat (diperintahkan kepada malaikat): Masukkanlah Firaun dan pengikut-pengikutnya ke dalam azab seksa api neraka yang seberat-beratnya". (Surah Ghafir, ayat 46). Sabda Nabi s.a.w.:

((فلو لا أن لا تدافنوا لدعوت الله أن يسمعكم من عذاب القبر))
[رواه مسلم]

“Kalau sekiranya aku tidak takut kamu tidak dapat mengebumikan mayat ke dalam kubur, nescaya aku berdoa agar Allah memperdengarkan kepada kamu siksaan yang berlaku di dalam kubur". (H.R. Muslim).

Ketiga: Tiupan Sangkakala.

Sangkakala iaitu serunai daripada tanduk yang ditiup oleh Israfil a.s., tiupan yang pertama akan mematikan semua makhluk kecuali mereka yang dikehendaki oleh Allah, kemudian ditiup tiupan kedua maka dibangkitkan semua makhluk yang wujud semenjak Allah jadikan dunia ini sehingga berlakunya kiamat.

Firman Allah Taala:

“Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya), kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta-merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing)". (Surah Az-Zumar, ayat 68).

Sabda Nabi s.a.w:

((ثم ينفخ في الصور فلا يسمعه أحد إلا أصغى ليتها ورفع ليتها، ثم لا يبقى أحد إلا صعق، ثم ينزل الله مطراً كأنه الطل، فتتبت منه أجساد الناس، ثم ينفخ فيه أخرى فإذا هم قيام ينظرون)) . [رواه مسلم] .

“Kemudian ditiupkan sangkakala, tidak ada seorang pun yang mendengarnya kecuali mengangkat leher (untuk mendengarnya), kemudian tidak tinggal seorang pun kecuali semuanya mati, selepas itu Allah menurunkan hujan renyai-renyai yang menumbuhkan jasad manusia, kemudian ditiupkan sangkakala kali kedua. Apabila ditiup sangkakala kali kedua semua mereka bangkit menunggu kesudahan masing-masing”. (H.R. Muslim).

Keempat: Kebangkitan.

laitu Allah Taala menghidupkan orang-orang yang telah mati ketika ditiupkan sangkakala kali kedua, maka bangkitlah semua manusia menemui Tuhan sekalian alam.

Apabila Allah Taala mengizinkan Israfil a.s. meniup sangkakala dan semua roh kembali kepada jasad masing-masing ketika itu bangkitlah manusia dari kubur mereka, dengan cepat berjalan menuju ke *mauqif* (tempat berhimpun untuk perhitungan) dalam keadaan berkaki ayam (tidak berkasut), telanjang bulat (tidak berpakaian), tidak berkhitan (bersunat), tiada apa pun bersama mereka. Begitu panjang masa mereka berada di *mauqif* (tempat berhimpun), pada waktu itu matahari sangat hampir dengan mereka yang menyebabkan kepanasan yang amat sangat, mereka pula dibasahi dengan peluh kerana terlalu susah keadaannya, ada yang peluhnya sampai ke buku lali, ada yang sampai ke lutut, pinggang, dada, bahu dan ada yang tenggelam di dalam peluh, semuanya mengikut kadar amalan masing-masing.

Kebangkitan semula selepas mati adalah suatu perkara yang sabit sebagaimana yang telah dijelaskan oleh syara', realiti keadaan dan akal pemikiran.

a- Penjelasan daripada syara'.

Banyak sekali ayat-ayat Al-Quran dan nas-nas yang sahih daripada Hadis Rasulullah s.a.w. yang menjelaskannya. Firman Allah Taala:

"Katakanlah: Bahkan, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan". (Surah At-Taghabun, ayat 7).

Firman Allah Taala:

"Sebagaimana Kami mulakan wujudnya sesuatu kejadian, Kami ulangi kewujudannya lagi". (Surah Al-Anbiya', ayat 104).

Sabda Nabi s.a.w.:

((ثم ينفخ في الصور فلا يسمعه أحد إلا أصغى ليتها ورفع ليتها، ثم لا يبقى أحد إلا صعق، ثم ينزل الله مطراً كأنه الطل، أو الظل - شك الراوي - فتنبت أجساد الناس، ثم ينفخ فيه أخرى فإذا هم قيام ينظرون)) .
[رواه مسلم]

"Kemudian ditiupkan sangkakala, tidak ada seorang pun yang mendengarnya kecuali mengangkat leher (untuk mendengarnya), kemudian tidak tinggal seorang pun kecuali semuanya mati, selepas itu Allah menurunkan hujan renyai-renyai yang menumbuhkan jasad manusia, kemudian ditiupkan sangkakala kali kedua. Apabila ditiup sangkakala kali kedua semua mereka bangkit menunggu kesudahan masing-masing". (H.R. Muslim).

Firman Allah Taala:

"(Kami menciptakannya) sambil dia bertanya: 'Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu?'. Katakanlah: Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya dan Dia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya)". (Surah Yasin, ayat 78-79).

b- Realiti keadaan yang telah berlaku.

Allah Taala telah memperlihatkan kepada hambanya peristiwa menghidupkan semula orang yang mati semasa di dunia. Di dalam Surah Al-Baqarah terdapat lima contoh tersebut, iaitu: Kaum Nabi Musa a.s., Allah menghidupkan mereka selepas mematikannya [ayat: 56] dan orang yang dibunuh oleh Bani Israel (dihidupkan semula untuk memberitahu siapa pembunuhnya) [ayat: 73] juga kaum yang keluar dari kampung mereka kerana takutkan mati (Allah matikan mereka semua kemudian menghidupkannya semula) [ayat: 243] dan orang yang melalui sebuah kampung yang telah binasa (beliau berkata: 'Bagaimana Allah akan membina semula negeri ini?' lalu Allah mematikannya selama 100 tahun, kemudian Allah menghidupkannya semula, sebagai bukti kepada dirinya bahawa Allah berkuasa menghidup dan mematikan) [ayat: 259] dan kisah empat ekor burung yang dicincang oleh Nabi Ibrahim a.s. kemudian dihidupkan semula [ayat: 260].

c- Dalil akal

Dalil akal boleh diambil dari dua aspek berikut:

a) Bahawa Allah Taala telah menciptakan langit, bumi dan semua isi kandungan keduanya dengan tidak ada contoh. Allah yang berkuasa menciptanya buat pertama kali tentu tidak lemah untuk mengulangnya sekali lagi.

b) Bumi yang telah mati (kering) tidak ada tumbuh-tumbuhan, Allah Taala menurunkan ke atasnya hujan, maka ia bergerak menumbuhkan tumbuhan yang indah. Maka Allah yang berkuasa menghidupkannya selepas mati, berkuasa pula menghidupkan manusia yang telah mati.

Kelima: Perhimpunan, perhitungan dan pembalasan

Kita beriman bahawa semua jasad akan dihimpunkan, disoal dan akan diadili di antara mereka lalu semuanya akan dibalas dengan amalan yang telah mereka lakukan.

Firman Allah Taala:

“Dan Kami himpunkan mereka (di Padang Mahsyar) sehingga Kami tidak akan tinggalkan seorang pun daripada mereka”. (Surah Al-Kahf, ayat 47).

Firman Allah Taala:

“Maka sesiapa yang diberikan kitab amalnya dan menerima dengan tangan kanannya, maka dia akan berkata (dengan sukacitanya kepada sesiapa yang ada di sisinya): Nah! bacalah kamu kitab amalanku ini! Sesungguhnya aku telah mengetahui dengan yakin, bahawa aku akan menghadapi hitungan amalanku (pada hari yang ditentukan)! Maka (dengan itu) tinggallah dia dalam kehidupan yang senang-lenang lagi memuaskan”. (Surah Al-Haqqah, ayat 19-21).

Firman Allah Taala:

“Adapun orang yang diberikan Kitab amalnya dan menerima dengan tangan kirinya, maka dia akan berkata (dengan sesalnya): alangkah baiknya kalau aku tidak diberikan kitab amalku dan aku tidak mengetahui hitungan amalku”. (Surah Al-Haqqah, ayat 25-26).

Hasyru: Perhimpunan, dihalau manusia dan dihimpunkannya di suatu tempat perhentian untuk dijalankan hisab amalan mereka. Perbezaan antara kebangkitan dan perhimpunan ialah (*Al-Ba'thu*) kebangkitan iaitu dikembalikan roh ke dalam jasad manakala *Al-Hasyru* dihimpunkan manusia yang telah dibangkitkan di suatu tempat.

Hisab dan pembalasan: Iaitu Allah Taala menghimpunkan hamba-hambanya di hadapannya dan memperlihatkan kepada mereka semua amalan yang telah mereka kerjakan.

Orang-orang mukmin yang bertakwa, kiraan amalan mereka dilakukan dengan cara dibentangkan ke atas mereka amalan yang mereka kerjakan sehingga mereka mengetahui nikmat kurniaan Allah ke atas mereka yang telah menutupi kesalahan mereka di dunia dan mengurniakan keampunanNya di akhirat. Mereka akan dihimpunkan mengikut peringkat keimanan mereka. Para malaikat menyambut mereka dengan menyampaikan khabar gembira tentang balasan syurga dan memberitahu bahawa mereka berada dalam keadaan aman daripada segala ketakutan dan kesusahan hari yang penuh dengan huru-hara. Maka ketika itu bercahayalah wajah-wajah mereka. Muka orang-orang yang beriman pada hari itu berseri-seri. Mereka bergelak ketawa lagi bersukaria.

Sebaliknya orang-orang yang mendustakan Hari Akhirat akan dihisab dengan perhitungan yang sangat susah lagi penuh teliti tentang setiap kerja yang mereka lakukan sama ada kecil ataupun besar, mereka ditarik dengan keadaan muka mereka tersembam ke bumi dan dengan penuh penghinaan sebagai balasan kepada dosa yang telah mereka lakukan dan pendustaan yang mereka timbulkan.

Golongan yang paling awal dihisab pada Hari Kiamat ialah umat Nabi Muhammad s.a.w, dari kalangan mereka 70 ribu orang yang dapat masuk syurga tanpa dihisab dan tidak merasai azab kerana kesempurnaan tauhid mereka, mereka ialah golongan yang telah disifatkan oleh Rasulullah s.a.w dengan sabdanya:

((لا يسترقون، ولا يكتوون، ولا يتطيرون، وعلى ربهم يتوكلون)).

“Mereka tidak minta dijampi, tidak minta diubahi dengan api, tidak menjadikan sesuatu sebagai sialan dan kepada Tuhan mereka bertawakkal”.

Antara mereka itu ialah sahabat nabi yang mulia ‘Ukasyah @ ‘Ukkasyah bin Mihsan r.a.

Perkara pertama yang dihisab ke atas seorang hamba terhadap hak-hak Allah Taala ialah solat dan terhadap hak sesama manusia ialah darah (pembunuhan).

Keenam: Beriman dengan kolam Nabi s.a.w.

Iaitu sebuah kolam yang besar dan tempat minum yang mulia, mengalir daripada minuman syurga dan dari sungai Kauthar pada Hari Kiamat, ianya didatangi oleh orang-orang mukmin daripada umat Nabi Muhammad s.a.w.

Antara sifatnya: lebih putih daripada susu, lebih sejuk daripada salji, lebih manis daripada madu, lebih harum daripada kasturi, sangat luas ukurannya, lebar dan panjangnya sama, jarak di antara dua penjurunya sebulan perjalanan, mempunyai dua saluran air yang mengalir dari syurga, bekas minumannya (gelas) lebih banyak daripada bintang di langit, sesiapa yang meminumnya sekali tidak akan terasa dahaga selamanya. Sabda Nabi s.a.w:

((حوضي مسيرة شهر، ماؤه أبيض من اللبن، وريحه أطيب من المسك، وكيزانه كنجوم السماء، من شرب منه فلا يظمأ أبداً)) . [رواه البخاري] .

"Kolamku luasnya sebulan perjalanan, airnya lebih putih daripada susu, baunya lebih harum daripada kasturi, bekas minumannya seperti bintang di langit, sesiapa yang meminumnya tidak akan terasa dahaga selama-lamanya". (H.R. Al-Bukhari).

Ketujuh: Syafaat.

Ketika manusia berada dalam keadaan bala dan ujian yang semakin perit di perhentian yang besar pada Hari Kiamat serta begitu panjang pula masanya, mereka mula berusaha mencari orang yang dapat memberikan syafaat dan pertolongan supaya memohon agar Allah melepaskan mereka daripada kesusahan padang mahsyar.

"Ulul 'Azmi" dari kalangan rasul menguzurkan diri tidak dapat membantu menyelesaikan masalah mereka sehinggalah sampai kepada penutup sekalian rasul, Nabi kita Muhammad s.a.w. yang telah diampunkan oleh Allah segala kesalahan yang terdahulu dan yang terkemudian, maka Nabi s.a.w pun bangun mengambil tempat yang dipuji oleh semua umat yang terdahulu dan yang

terkemudian, maka zahirilah kedudukannya yang mulia dan darjatnya yang tinggi dengan peranannya itu, Rasulullah s.a.w pun sujud di bawah Arasy, Allah Taala telah mengilhamkan kepadanya dengan pujian, Rasulullah s.a.w pun memuji dan memujanya dan memohon keizinan daripada Tuhannya agar membenarkannya memberi syafaat (pertolongan) kepada semua makhluk untuk menyelesaikan masalah mereka setelah mereka ditimpa kesusahan dan bencana yang besar yang mereka tidak mampu menanggungnya.

Sabda Nabi s.a.w:

((إن الشمس تدنو يوم القيامة حتى يبلغ العرق نصف الأذن، فبينما هم كذلك، استغاثوا بآدم ثم بإبراهيم ثم بموسى ثم بعيسى ثم بمحمد r، فيشفع ليقضى بين الخلق، فيمشي حتى يأخذ بحلقة الباب، فيومئذ يبعثه الله مقاماً محموداً يحمد به أهل الجمع كلهم)) . [رواه البخاري] .

“Sesungguhnya matahari begitu hampir dengan manusia pada Hari Kiamat sehinggakan peluh mereka sampai ke pertengahan telinga, sedang mereka berada dalam keadaan tersebut lantas mereka memohon bantuan dengan Adam a.s kemudian Ibrahim a.s kemudian Musa a.s kemudian ‘Isa a.s kemudian Muhammad s.a.w Apabila sampai kepada Nabi Muhammad s.a.w baginda meminta kuasa syafaat untuk menyelesaikan masalah umat manusia, baginda berjalan sehingga kepada pemegang pintu syurga, pada hari itu Allah Taala telah memberikannya kuasa syafaat yang agung yang dipuji oleh semua orang yang berada di Padang Mahsyar. (H.R. Al-Bukhari).

Kuasa syafaat yang agung ini Allah Taala khususkan kepada Rasulullah s.a.w dan telah sabit juga Rasulullah s.a.w mempunyai syafaat yang lain, iaitu:-

1- Syafaat Rasulullah s.a.w untuk ahli syurga agar dapat memasuki syurga. Dalilnya, sabda Nabi s.a.w:

((أتى باب الجنة يوم القيامة فاستفتح، فيقول الخازن من أنت؟ قال فأقول محمد، فيقول بك أمرت لا أفتح لأحد قبلك)) . [رواه مسلم] .

"Pada Hari Kiamat aku pergi ke pintu syurga dan aku meminta supaya ianya dibuka. Kata Khazin (penjaga syurga): Siapakah kamu?. Sabda Nabi s.a.w: "Aku menjawab: Muhammad". Kata penjaga syurga: Aku diarahkan agar membuka pintu syurga dengan permintaan engkau dan tidak membukanya kepada orang lain sebelum engkau". (H.R. Muslim).

2- Syafaatnya untuk kaum yang sama timbangan amalan baik dan jahat, maka diberi syafaat agar mereka dapat masuk syurga. Pendapat ini dibawa oleh setengah ulama' namun tidak ada hadis yang sahih atau selain daripadanya yang boleh dibuat dalil.

3- Syafaatnya untuk kaum yang telah ditentukan neraka agar selamat daripadanya. Berdasarkan dalilnya yang umum, sabda Nabi s.a.w:

((شفاعتي لأهل الكبائر من أمتي)) . [رواه أبو داود]

"Syafaatku untuk orang-orang yang melakukan dosa besar daripada umatku". (H.R. Abu Daud).

4- Syafaatnya untuk mengangkat darjat ahli syurga di dalam syurga. Dalilnya, sabda Nabi s.a.w:

((اللهم اغفر لأبي سلمة وأرفع درجته في المهيدين)) . [رواه مسلم]

"Ya Allah, ampunilah Abi Salamah (*Abdullah bin Abdul Asad*) dan angkatlah darjatnya di kalangan orang-orang yang diberi hidayat". (H.R. Muslim).

5- Syafaatnya kepada beberapa kaum yang dapat memasuki syurga tanpa dihisab dan tidak merasai azab. Dalilnya, hadis 'Ukasyah @ 'Ukkasyah bin Mihsan yang menyebut 70 ribu orang memasuki syurga dengan tidak melalui hisab dan tidak diazab, maka Rasulullah s.a.w berdoa untuknya dengan sabdanya:

((اللهم اجعله منهم)) . [متفق عليه]

“Ya Allah, jadikanlah dia ('Ukasyah) daripada golongan mereka itu”. (Hadis *Muttafaq 'Alaih*).

6- Syafaatnya kepada orang yang melakukan dosa besar daripada umatnya yang telah berada di dalam neraka agar keluar daripadanya. Dalilnya, sabda Nabi s.a.w:

((شفاعتي لأهل الكبائر من أمتي)) . [رواه أبو داود] .

“Syafaatku untuk orang-orang yang melakukan dosa besar daripada umatku”. (H.R. Abu Daud).

Dan sabdanya:

((يخرج قوم من النار بشفاعة محمد r فيدخلون الجنة يسمون الجهنميين))
[رواه البخاري] .

“Akan keluar satu kaum daripada api neraka dengan syafaat Muhammad s.a.w kemudian memasuki syurga, mereka dinamakan *Jahannamiyyin* (bekas ahli neraka)”. (H.R. Al-Bukhari).

7- Syafaatnya untuk meringankan azab daripada mereka yang dikenakan azab, seperti syafaatnya kepada bapa saudaranya Abu Talib. Dalilnya, sabda Nabi s.a.w:

((لعله تنفعه شفاعتي يوم القيامة فيجعل في ضحضاح من النار يبلغ كعبه يغلي منه دماغه)) . [متفق عليه] .

“Mudah-mudahan syafaatku akan memberi manfaat kepadanya pada Hari Kiamat, dia berada di dalam air neraka yang cetek, mencecah dua buku lalinya yang menggelegakkan otaknya”. (Hadis *Muttafaq 'Alaih*).

Tidak sah syafaat di sisi Allah Taala kecuali dengan memenuhi dua syarat:

a) Allah meredhai orang yang memberi syafaat dan orang yang menerimanya.

b) Allah Taala memberi keizinan kepada pemberi syafaat agar melakukannya.

Firman Allah Taala:

“Dan mereka tidak memohon syafaat melainkan bagi sesiapa yang diredhai Allah”. (Surah Al-Anbiya', ayat 28).

Firman Allah Taala:

“Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya”. (Surah Al-Baqarah, ayat 255).

Kelapan: Neraca timbangan amalan.

Neraca timbangan adalah suatu yang hak, wajib beriman dengannya. Iaitu suatu neraca yang Allah Taala dirikan pada Hari Kiamat untuk menimbang amalan hamba-hambanya dan membalasnya menurut amalan mereka. Neraca yang didirikan itu mempunyai dua daun neraca dan jarum, bagi menimbang amalan atau surat catatan amalan atau orang yang melakukan amalan itu sendiri, maka semuanya akan ditimbang tetapi yang diambil kira ialah berat atau ringan amalan bukan tuannya atau surat catatan amalan.

Firman Allah Taala:

“Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) Hari Kiamat, maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung) dan cukuplah Kami sebagai Penghitung”. (Surah Al-Anbiya', ayat 47).

Firman Allah Taala:

“Dan timbangan amal pada hari itu adalah benar, maka sesiapa yang berat timbangan amalnya (yang baik), maka mereka itulah orang-orang yang berjaya. Dan sesiapa yang ringan timbangan amalnya (yang baik), maka mereka itulah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri, dengan sebab mereka berlaku zalim terhadap ayat-ayat Kami (dengan meletakkannya pada bukan tempatnya)”. (Surah Al-A'raf, ayat 8-9). Sabda Nabi s.a.w:

((الظهور شطر الإيمان، والحمد لله تملأ الميزان)). [رواه مسلم]

“Suci daripada hadas itu sebahagian daripada iman dan “Alhamdulillah” itu memenuhi neraca timbangan”. (H.R. Muslim). Dan sabdanya:

((يوضع الميزان يوم القيامة فلو وزن فيه السماوات والأرض لوسعت)). [رواه الحاكم]

“Didirikan neraca timbangan pada Hari Kiamat, kalau ditimbang langit dan bumi di dalamnya, lebih daripada mencukupi”. (H.R. Al-Hakim).

Kesembilan: Titian Sirat Al-Mustaqim.

Kita beriman dengan *Sirat Al-Mustaqim* iaitu titian yang dibentangkan di atas Neraka Jahannam, suatu laluan yang sungguh menggerunkan dan menakutkan, manusia melaluinya untuk sampai ke syurga, ada di antara mereka yang melintasinya dengan sekelip mata, ada yang melaluinya seperti kilat, ada yang melaluinya seperti angin, ada yang melaluinya seperti burung terbang, ada yang melaluinya seperti kuda yang berlari pantas, ada yang melaluinya seperti orang berlari anak, ada yang melaluinya dengan berjalan, ada yang melaluinya dengan merangkak, semuanya mengikut kadar amalan yang dilakukan, sehinggakan dapat melaluinya orang yang mempunyai cahaya di atas ibu jari kakinya, ada yang jatuh ditarik ke dalam neraka dan orang yang melepasi akan masuk ke syurga.

Orang pertama yang akan melintasinya ialah Nabi kita Muhammad s.a.w kemudian diikuti pula oleh umatnya, tidak ada orang yang bercakap pada hari itu kecuali para rasul a.s., doa para rasul pada hari itu ialah: ((اللهم سلم سلم)) "Ya Allah, selamatkan kami! Selamatkan kami!". Dalam Neraka Jahannam ada pencakuk yang terletak di tepi neraka yang tidak diketahui bilangannya kecuali Allah Taala, ia akan mencakuk sesiapa sahaja yang Allah kehendaki daripada makhlukNya.

Antara sifat Titian Sirat Al-Mustaqim:

Lebih tajam daripada pedang, lebih halus daripada rambut, sangat licin, tidak ada kaki yang boleh tetap di atasnya kecuali orang yang ditetapkan kakinya oleh Allah, dibentangkannya di atas neraka di dalam suasana kegelapan, dihantar "amanah" dan "rahim" lalu berdiri keduanya di tepi Titian Sirat untuk menjadi saksi kepada mereka yang menjaga amanah dan hubungan silaturrahim atau kepada mereka yang mensia-siakan kedua-duanya.

Firman Allah Taala:

"Dan tiada seorangpun di antara kamu melainkan akan sampai kepadanya, (yang demikian) adalah satu perkara yang mesti (berlaku) yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu. Kemudian Kami akan selamatkan orang-orang yang bertakwa dan kami akan biarkan orang-orang yang zalim (dengan kekufurannya dan maksiatnya) tinggal berlutut di dalam neraka itu". (Surah Maryam, ayat 71-72).

Sabda Nabi s.a.w:

((ويضرب الصراط بين ظهراي جهنم فأكون أنا وأمتي أول من يجيزه)) [رواه مسلم].

"Diletakkan Sirat di atas dua tebing Neraka Jahannam, aku dan umatku ialah golongan yang pertama melintasinya". (H.R. Muslim).

Sabda Nabi s.a.w:

((ويضرب جسر جهنم .. فأكون أول من يجيز، ودعاء الرسل يومئذ: اللهم سلم سلم))
[متفق عليه].

“Diletakkan titian atas Neraka Jahannam, aku adalah orang pertama yang melintasinya. Doa para rasul pada hari itu ialah: Ya Allah, selamatkan kami! Selamatkan kami!”. (H.R Al-Bukhari dan Muslim).

Kata Abu Sa'id Al-Khudri r.a.:

((بلغني أن الجسر أدق من الشعر وأحد من السيف)) [رواه مسلم].

“Telah disampaikan kepadaku bahawa Titian Sirat itu lebih halus daripada rambut dan lebih tajam daripada pedang”. (H.R. Muslim).

Sabda Nabi s.a.w:

((وترسل الأمانة والرحم، فتقومان على جنبي الصراط يميناً وشمالاً، فيمر أولكم كالبرق... ثم كمرّ الريح، ثم كمرّ الطير وشد الرجال، تجري بهم أعمالهم، ونبيكم قائم على الصراط يقول: رب سلم سلم، حتى تعجز أعمال العباد، حتى يجئ الرجل فلا يستطيع السير إلا زحفاً. قال: وعلى حافتي الصراط كلاليب معلقة مأمورة بأخذ من أمرت به، فمخدوش ناج، ومكدوس في النار)) [رواه مسلم].

“Dihantar “amanah” dan “rahim”, kedua-duanya berdiri di tepi titian kiri dan kanan. Orang yang pertama melaluinya seperti kilat...kemudian seperti angin, kemudian seperti burung dan seperti orang yang berjalan dengan cepat. Setiap orang akan melaluinya mengikut amalannya, sedangkan pada waktu itu Nabi kamu s.a.w berdiri di atas titian dan berdoa: Ya Allah, selamatkan! Selamatkan!. Apabila lemah amalan seseorang hamba itu sehingga tidak mampu untuk berjalan mereka akan merangkak. Di kedua-dua tepi titian digantung pengait dan pencakuk yang telah diarahkan agar menarik sesiapa yang dikehendakiNya. Ada orang yang luka terkena pencakuk tetapi terselamat dari terjatuh ke dalamnya. Dan ada pula orang yang dikait dan dicangkuk serta dihumban terus ke dalam neraka”. (H.R. Muslim).

Kesepuluh: “Qantarah” Perhentian di antara Syurga dan Neraka.

Kita beriman bahawa orang-orang mukmin apabila telah selamat melintasi Sirat dan terlepas dari neraka akan berhenti di Qantarah, iaitu suatu tempat di antara syurga dan neraka, mereka berhenti untuk menyelesaikan pembalasan bagi setiap perkara yang berlaku sesama mereka sebelum memasuki syurga, apabila telah selesai membalas dan membersihkannya mereka diizinkan memasuki syurga. Sabda Nabi s.a.w.:

((يخلص المؤمنون من النار، فيحبسون على قنطرة بين الجنة والنار، فيقتص لبعضهم من بعض مظالم كانت بينهم في الدنيا، حتى إذا هذبوا ونقوا أذن لهم في دخول الجنة، فوالذي نفس محمد بيده لأحدهم أهدى بمنزله في الجنة منه بمنزله كان في الدنيا)) . [رواه البخاري]

“Orang mukmin yang telah terselamat daripada api neraka akan ditahan di Qantarah, (satu tempat) di antara syurga dan neraka, setiap daripada mereka akan dibalas bagi setiap kezaliman yang berlaku sesama mereka di dunia, apabila telah selesai membersihkan semua kesalahan, mereka diberi keizinan untuk memasuki syurga. Demi Allah yang diri Muhammad di tanganNya sesungguhnya setiap mereka lebih kenal tempat duduknya di dalam syurga daripada tempat duduknya di dunia”. (H.R. Al-Bukhari).

Kesebelas: “Al-Jannah” Syurga dan “An-Nar” Neraka.

Kita beriman bahawa syurga adalah benar dan neraka juga benar. Kedua-duanya telah wujud, tidak akan rosak binasa selamanya. Nikmat syurga untuk ahli syurga tidak akan musnah dan hilang, demikian juga azab neraka kepada orang yang telah dihukum kekal di dalamnya tidak akan musnah dan berakhir. Adapun orang-orang yang mempunyai iman dalam dirinya akan keluar daripada neraka dengan syafaat daripada Pemberi Syafaat dan dengan rahmat Tuhan Yang Maha Mengasihani.

Syurga: ialah suatu tempat yang sangat mulia yang disediakan oleh Allah Taala bagi orang-orang yang bertakwa pada Hari Kiamat. Di dalamnya ada sungai-sungai yang mengalir, bilik-bilik yang indah dan isteri-isteri yang cantik jelita. Terdapat di dalamnya semua yang diingini oleh nafsu, indah mata memandang pada perkara-perkara yang tidak pernah dipandang oleh mata, yang tidak pernah didengar oleh telinga juga yang tidak pernah terlintas di hati manusia. Nikmatnya tidak akan musnah dan berakhir bahkan tetap berterusan tidak terputus selama-lamanya. Tempat letak tongkat di dalamnya lebih baik daripada dunia dan isinya. Keharumannya dapat dicium dari jarak perjalanan 40 tahun dan nikmat yang paling besar ialah apabila orang-orang mukmin dapat memandang Tuhan mereka dengan pandangan mata kepala mereka sendiri.

Adapun orang kafir pada Hari Kiamat tidak dapat memandang Allah Taala kerana pandangan mereka telah disekat (hijab). Sesiapa yang menafikan orang mukmin dapat memandang Tuhan mereka, maka mereka telah menyamakan bahawa orang mukmin dengan orang kafir yang telah disekat (hijab) daripada memandang Allah Taala.

Di dalam syurga itu terdapat seratus tingkat (darjat). Jarak di antara setiap tingkat (darjat) adalah di antara langit dan bumi dan yang tertinggi ialah Syurga Firdaus. Manakala atapnya ialah Arasy Tuhan Ar-Rahman, terdapat padanya lapan pintu. Lebar setiap pintu seluas jarak antara Makkah dan Hajar (*Hajar*, sekarang dikenali dengan nama Al-Ahsa', di Arab Saudi. Jarak di antara keduanya lebih kurang 1500 km.-*Pent.*) dan sesungguhnya akan tiba suatu hari pintu tersebut akan penuh sesak. Serendah-rendah kedudukan penghuni syurga dianugerahkan kepadanya nikmat seumpama dunia dan sepuluh kali ganda sepertinya.

Firman Allah Taala tentang syurga:

“(Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi), yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 133).

Firman Allah Taala tentang orang mukmin akan kekal di dalam syurga, tidak akan fana selama-lamanya:

“Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah Syurga ‘Adn (tempat tinggal yang tetap), yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya. Allah redha akan mereka dan mereka pun redha (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Balasan yang demikian itu adalah untuk orang-orang yang takut (melanggar perintah) Tuhannya”. (Surah Al-Bayyinah, ayat 8).

Neraka: ialah suatu tempat yang Allah sediakan untuk orang-orang kafir dan orang-orang yang melakukan maksiat. Di dalamnya terdapat azab seksaan yang amat dahsyat dan pelbagai jenis siksaan. Penjaganya ialah malaikat yang sangat keras sifatnya dan bengis. Orang-orang kafir akan kekal di dalamnya. Makanan mereka pula ialah *Zaqqum* (suatu pokok yang tumbuh di dalam neraka, buahnya sangat pahit lagi busuk baunya) dan minuman mereka air yang sangat panas.

Firman Allah Taala tentang neraka:

“Api neraka, yang disediakan bagi orang-orang kafir”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 131).

Firman Allah Taala tentang ahli neraka akan kekal di dalamnya selama-lamanya dan tidak akan fana (musnah):

“Sesungguhnya Allah telah melaknat orang-orang kafir dan menyediakan bagi mereka api neraka yang marak menjulang, kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya”. (Surah Al-Ahzab, ayat 64-65).

3) NATIJAH BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT.

Beriman dengan Hari Akhirat mengandungi natijah yang sangat besar, antaranya:

- 1- Memberi galakan dan dorongan kepada seseorang hamba untuk melakukan ketaatan dan amalan yang baik serta melaksanakannya kerana mengharapkan pahala daripada Allah Taala.
- 2- Takut dan gerun untuk melakukan maksiat atau meredhai perbuatan maksiat kerana takutkan siksaan pada hari tersebut.
- 3- Menjadikan orang-orang mukmin sabar dan redha walaupun terlepas banyak nikmat dunia kerana mengharapkan nikmat dan balasan akhirat.
- 4- Beriman dengan kebangkitan semula merupakan asas kebahagiaan individu dan masyarakat, serta membawa kelebihan, kebaikan dan kedamaian kepada masyarakat kerana ia dapat menyekat manusia daripada melakukan perbuatan jahat.

RUKUN KEENAM: BERIMAN DENGAN QADAR

Video Syarah Rukun Iman – Beriman Dengan Qadar

<http://tinyurl.com/lbcre4d>

(1) PENGERTIAN QADAR DAN KEPENTINGAN BERIMAN DENGANNYA.

Al-Qadr: ialah ketentuan Allah Taala ke atas seluruh alam semesta mengikut ilmuNya yang azali dan kebijaksanaanNya. Ianya kembali kepada kekuasaan Allah Taala. Sesungguhnya Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu dan berkuasa melakukan perkara yang dikehendakiNya.

Beriman dengan Qadar termasuk dalam beriman dengan *Rububiyyah* (kuasa mencipta dan mentadbir) Allah Taala. Ia merupakan salah satu daripada Rukun Iman dan tidak sempurna iman seseorang kecuali dengan beriman kepadanya.

Firman Allah Taala:

“Sesungguhnya Kami menciptakan setiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan)”. (Surah Al-Qamar, ayat 49).

Sabda Nabi s.a.w:

((كل شيء بقدر حتى العجز والكيس، أو الكيس والعجز))
[رواه مسلم]

“Setiap sesuatu telah ditentukan termasuklah lemah dan rajin atau rajin dan lemah”. (H.R. Muslim).

(2) MARTABAT QADAR.

Tidak sempurna beriman dengan Qadar kecuali dengan menyempurnakan empat martabat, iaitu:

Pertama: Beriman dengan ilmu Allah yang azali yang meliputi setiap sesuatu.

Firman Allah Taala:

“Bukankah engkau telah mengetahui bahawasanya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya yang demikian itu ada tertulis di dalam Kitab (*Lauh Mahfuz*). Sesungguhnya hal itu amatlah mudah bagi Allah”. (Surah Al-Haj, ayat 70).

Kedua: Beriman dengan segala perkara yang telah ditulis di “*Lauh Mahfuz*” dan beriman bahawa Allah mengetahui semua perkara yang telah ditentukan itu.

Firman Allah Taala:

“Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini”. (Surah Al-An’am, ayat 38). Sabda Nabi s.a.w:

((كَتَبَ اللَّهُ مَقَادِيرَ الْخَلَائِقِ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِخَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ))
[رواه مسلم]

“Allah telah menulis semua ketentuan yang akan berlaku kepada makhluk 50 ribu tahun sebelum dijadikan langit dan bumi”. (H.R. Muslim).

Ketiga: Beriman dengan kehendak Allah yang pasti terjadi dan kuasanya Yang Maha Sempurna.

Firman Allah Taala:

“Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali dengan cara yang diatur oleh

Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir seluruh alam". (Surah At-Takwir, ayat 29).

Sabda Nabi s.a.w. kepada orang yang berkata kepadanya: 'Ini semua dengan kehendak Allah dan kehendak Tuan (Nabi)'.

((أَجْعَلْتَنِي اللَّهُ نَدًا ، بَلْ مَا شَاءَ اللَّهُ وَحْدَهُ)) . [رواه أحمد] .

"Apakah engkau mahu menjadikan aku sekutu bagi Allah? Tetapi katakanlah: Bahkan dengan kehendak yang diinginkan oleh Allah Yang Maha Esa". (H.R. Ahmad).

Keempat: Beriman bahawa Allah adalah pencipta semua makhluk. Firman Allah Taala:

"Allah yang mencipta tiap-tiap sesuatu dan Dialah yang mentadbir serta menguasai segala-galanya". (Surah Az-Zumar, ayat 62).

Firman Allah Taala:

"Padahal Allah yang mencipta kamu dan perbuatan yang kamu lakukan itu". (Surah As-Saffat, ayat 96).

Sabda Nabi s.a.w:

((إِنْ اللَّهُ يَصْنَعُ كُلَّ صَانِعٍ وَصَنَعْتَهُ)) . [رواه البخاري] .

"Sesungguhnya Allah Taala mencipta setiap orang yang mencipta dan hasil ciptaannya". (H.R. Al-Bukhari).

(3) BAHAGIAN-BAHAGIAN TAKDIR (KETENTUAN).

a) Takdir umum untuk semua makhluk, iaitu suratan yang ditulis di "*Lauh Mahfuz*" sebelum dijadikan langit dan bumi 50 ribu tahun. Firman Allah Taala:

“(Kami menurunkan Al-Quran pada malam Lailatul Qadar, kerana) pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmah serta yang tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar)”. (Surah Ad-Dukhan, ayat 4).

b) Takdir mengikut umur, iaitu takdir yang berlaku ke atas diri seorang hamba bermula daripada peniupan roh kepadanya sehingga sampai ajalnya.

c) Takdir tahunan, iaitu takdir yang akan berlaku setiap tahun, ia ditentukan pada malam Lailatul Qadar setiap tahun.

d) Takdir harian, iaitu takdir ke atas setiap perkara yang berlaku pada setiap hari, antaranya kemuliaan, kehinaan, pemberian, sekatan, menghidup, mematikan dan lain-lainnya. Firman Allah Taala:

“Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepadaNya. setiap masa Dia di dalam urusan (mencipta dan mentadbir makhluk-makhlukNya)”. (Surah Ar-Rahman, ayat 29).

(4) AQIDAH SALAF DALAM MASALAH QADAR.

Bahawa Allah Taala mencipta tiap-tiap sesuatu, mentadbir dan memilikinya. Allah telah menentukan perkara yang akan terjadi sebelum menjadikannya. Dia telah menentukan ajal, rezeki dan kerja yang mereka lakukan. Dia telah menulis kesudahan mereka sama ada menjadi bertuah atau celaka. Semuanya telah ditulis dalam catatan yang jelas dan nyata. Setiap perkara yang Allah kehendaki akan berlaku dan setiap perkara yang tidak dikehendaki tidak akan berlaku. Allah mengetahui perkara yang telah lepas, sedang berlaku, akan datang, waktu dan cara ia berlaku. Allah berkuasa ke atas setiap sesuatu, memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki dan menyesatkan orang-orang yang dikehendaki. Setiap hamba memiliki kehendak dan kuasa untuk melakukan semua perkara yang ditentukan oleh Allah ke atas mereka dengan

keyakinan bahawa setiap hamba tidak boleh melakukan sesuatu kecuali dengan kehendak Allah.

Firman Allah Taala:

“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan)”. (Surah Al-Ankabut, ayat 69).

Sesungguhnya Allah Taala mencipta hamba-hambaNya serta perbuatan mereka dan mereka sendiri pula yang melakukan semua perbuatan yang mereka lakukan. Maka tidak ada hujjah bagi seorang hamba ke atas Allah sekiranya dia mahu meninggalkan perkara yang wajib atau melakukan perkara yang haram (bahawa ini adalah ketentuan Allah), bahkan Allah Taala mempunyai hujjah yang kuat ke atas hamba-hambaNya.

Berhujjah dengan Qadar dibolehkan di atas musibah yang telah menimpa tetapi tidak boleh dijadikan hujjah di atas keaiban dan dosa, seperti sabda Nabi s.a.w ketika menceritakan perdebatan yang berlaku di antara Nabi Musa dan Adam a.s:

((تحاج آدم وموسى، فقال موسى: أنت آدم الذي أخرجتك خطيئتك من الجنة؟ فقال له آدم: أنت موسى الذي اصطفاك الله برسالاته وبكلامه، ثم تلومني على أمر قد قُدر عليّ قبل أن أخلق، فحج آدم موسى))
[رواه مسلم]

Telah berhujjah Nabi Musa dan Adam a.s Kata Musa: Tuankah Adam yang kesalahan tuan lakukan telah mengeluarkan tuan daripada syurga? Jawab Adam: Tuankah Musa yang Allah pilih untuk menerima risalahNya dan berkata-kata denganNya, kemudian tuan mencela saya di atas pekerjaan yang telah ditentukan (ditakdirkan) ke atas saya sebelum saya dijadikan! Maka Nabi Adam telah mematahkan hujjah Nabi Musa a.s”. (H.R. Muslim).

(5) PERBUATAN HAMBA.

Perbuatan yang Allah Taala ciptakan di alam semesta ini terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Perkara yang Allah Taala tentukan daripada perbuatanNya kepada makhlukNya, maka tidak ada seorang pun boleh membuat pilihan atau mengikut kehendak sendiri. Semuanya berlaku mengikut kehendak Allah, seperti hidup, mati, sakit dan sihat.

Firman Allah Taala:

"Padahal Allah yang mencipta kamu dan perbuatan yang kamu lakukan itu". (Surah As-Saffat, ayat 96).

Firman Allah Taala:

"Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu. Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalNya". (Surah Al-Mulk, ayat 2).

Kedua: Perbuatan yang dilakukan oleh makhluk yang mempunyai kehendak, maka ia terjadi dengan kehendak dan pilihan orang yang melakukannya kerana Allah telah meletakkan kehendak dan pilihan tersebut kepada mereka.

Firman Allah Taala:

"Iaitu untuk sesiapa daripada kamu yang mahu tetap teguh di atas jalan (Islam) yang betul". (Surah At-Takwir, ayat 28).

Firman Allah Taala:

"Maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah dia beriman dan sesiapa yang mahu ingkar, biarlah dia mengingkarinya". (Surah Al-Kahf, ayat 29).

Mereka akan dipuji dengan sebab melakukan perkara yang terpuji dan akan dicerca dengan sebab melakukan perkara yang

tercela. Allah tidak menyiksa mereka kecuali dengan perkara yang menjadi pilihan hamba untuk melakukannya.

Firman Allah Taala:

“Dan Aku tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hambaKu”.
(Surah Qaf, ayat 29).

Manusia mengetahui perbezaan di antara pilihan dan paksaan, sebagai contoh seseorang yang turun dari atas bumbung rumah melalui tangga adalah dengan pilihannya sendiri atau mungkin juga ia dicampak oleh orang lain dari atas bumbung ke bawah. Maka yang pertama adalah pilihan dan yang kedua adalah paksaan.

(6) PENYATUAN MAKNA DI ANTARA CIPTAAN ALLAH DAN PERBUATAN HAMBA

Allah mencipta hamba dan perbuatannya serta menjadikan baginya kehendak dan kuasa. Oleh itu setiap hamba melakukan sendiri setiap perbuatannya kerana dia mempunyai kehendak dan kuasa. Apabila dia beriman maka itu adalah dengan kemahuan dan kehendaknya. Sekiranya dia kafir maka itu adalah dengan kemahuan dan kehendaknya yang sempurna. Sebagai contoh, apabila kita berkata: buah ini dari pokok ini dan pokok ini berasal dari bumi ini, bermakna ia terjadi darinya dan daripada Allah. Artinya Allah Taala jualah yang menjadikannya dari pokok atau tanah. Oleh itu tidak ada percanggahan di antara dua kejadian ini. Dengan ini, bertepatanlah syariat Allah dengan Qadar (ketentuanNya).

Firman Allah Taala:

“Padahal Allah yang mencipta kamu dan perbuatan yang kamu lakukan itu”. (Surah As-Saffat, ayat 96).

Firman Allah Taala:

"Adapun orang yang memberikan apa-apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertakwa. Dan dia membenarkan dengan yakin akan perkara yang baik. Maka Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga). Sebaliknya orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan berasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya serta dia mendustakan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan". (Surah Al-Lail, ayat 5-10).

(7) KEWAJIPAN HAMBA TERHADAP QADAR.

Seorang hamba wajib melaksanakan dua perkara dalam beriman dengan Qadar:

Pertama: Hendaklah memohon pertolongan daripada Allah untuk melaksanakan perkara yang ditentukan dan menjauhi laranganNya. Hendaklah berdoa agar Allah mempermudah baginya untuk mendapat kesenangan dan menjauhkannya daripada kesusahan di samping bertawakkal kepada Allah dan meminta perlindungan daripadaNya, maka jadilah ia sentiasa bergantung dengan Allah untuk mendapatkan perkara yang baik dan meninggalkan kejahatan. Sabda Nabi s.a.w:

((احرص على ما ينفعك، واستعن بالله ولا تعجز، وإن أصابك شيء فلا تقل: لو أني فعلت كذا لكان كذا، ولكن قل: قدر الله وما شاء فعل، فإن لو تفتح عمل الشيطان))

"Hendaklah kamu banyak melakukan perkara yang mendatangkan manfaat kepada kamu, mintalah pertolongan dengan Allah dan jangan mudah berasa lemah. Sekiranya bala menimpa kamu maka janganlah kamu berkata: 'Kalaulah aku lakukan begini tentu ia akan jadi begini' tetapi katakanlah: 'Allah telah menentukannya dan setiap yang dikehendakiNya akan dilakukanNya'. Lantaran kerana perkataan '*kalau*' akan membuka peluang kepada syaitan".

Kedua: Hendaklah dia bersabar di atas perkara yang telah ditentukan ke atasnya dan tidak meratap atau menyesal, setelah

dia mengetahui bahawa semua yang terjadi adalah dengan kehendak Allah maka dia redha dan berserah diri. Dia seharusnya mengetahui bahawa dia tidak mungkin terlepas daripada perkara yang ditetapkan untuk menyimpannya dan perkara yang tidak ditetapkan ke atasnya tidak akan menyimpannya.

Sabda Nabi s.a.w:

((وَأَعْلَمُ أَنَّ مَا أَصَابَكَ لَمْ يَكُنْ لِيَخْطُبْكَ، وَأَنَّ مَا أَخْطَأَكَ لَمْ يَكُنْ لِيَصِيبِكَ)).

“Ketahuilah bahawa semua perkara yang menimpa kamu tidak mungkin akan terlepas daripada menimpa kamu dan perkara yang tidak ditentukan kepada kamu tidak mungkin akan menimpa kamu”.

(8) REDHA DENGAN QADA' DAN QADAR.

Adalah menjadi satu kewajipan untuk meredhai semua ketentuan (qadar) kerana ia merupakan tanda kesempurnaan redha dengan *Rububiyah* Allah. Setiap mukmin wajib meredhai Qada' Allah kerana semua perbuatan Allah dan ketentuanNya adalah baik, adil dan mempunyai hikmah.

Sesiapa yang yakin bahawa semua perkara yang ditetapkan untuk menyimpannya tidak mungkin terlepas daripadanya dan perkara yang tidak ditentukan ke atasnya tidak akan menyimpannya, dia akan terlepas daripada perasaan keluh kesah dan huru-hara. Hidupnya tenang, tidak goyah atau ragu-ragu, tidak berasa dukacita di atas perkara yang hilang dan tidak menganggap masa depannya gelap. Maka dengan itu, dia akan menjadi orang yang paling bahagia, baik keadaannya dan tenang hatinya.

Sesiapa yang mengetahui bahawa ajal dan rezekinya sudah ditetapkan, dia tidak akan berasa takut kerana sifat penakut tidak dapat memanjangkan umurnya. Dia tidak bakhil kerana sifat bakhil tidak dapat menambahkan rezekinya. Dia sedar bahawa semuanya telah tertulis. Dia akan menjadi sabar menghadapi semua bencana yang menyimpannya dan meminta ampun ke atas semua dosa dan

kesalahan yang telah dilakukannya. Dia redha dengan ketentuan yang telah ditentukan oleh Allah. Dengan itu dia telah mengumpulkan di antara ketaatan terhadap perintah dan sabar terhadap ujian dalam menerima bencana yang menimpa.

Firman Allah Taala:

“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima setiap perkara yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar) dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”. (Surah At-Taghabun, ayat 11).

Firman Allah Taala:

“(Setelah engkau mengetahui perihal Nabi Musa dan umatnya) maka bersabarlah (wahai Muhammad, dalam perjuangan menegakkan Islam), sesungguhnya janji Allah (untuk memberi kejayaan kepadamu) adalah benar dan pohonlah ampun bagi kesalahanmu”. (Surah Ghafir, ayat 55).

(9) HIDAYAT TERBAHAGI KEPADA DUA JENIS:

Pertama: Hidayat memimpin manusia kepada kebenaran.

Ia diberikan kepada semua makhluk dan hidayat inilah yang mampu diberi oleh rasul serta para pengikutnya. Firman Allah Taala:

“Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus”. (Surah Asy-Syura, ayat 52).

Kedua: Hidayat memberi taufik, meneguh dan menguatkan pegangan.

Ini adalah anugerah Allah dan limpah kurniaNya kepada hamba-hambaNya yang bertakwa. Hidayat ini tidak ada yang berkuasa mengurniaknya selain daripada Allah. Firman Allah Taala:

“Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa untuk memberikan hidayat (petunjuk) kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya dia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayat (petunjuk) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya)”. (Surah Al-Qasas, ayat 56).

(10) IRADAH. KEHENDAK MENURUT KITAB ALLAH TERBAHAGI KEPADA DUA JENIS:

Pertama: *Iradah Kauniyyah Qadariah*. Kehendak mengadakan semua makhluk dan alam semesta (*universal*).

Iaitu kemahuan yang umum merangkumi semua makhluk yang wujud, setiap perkara yang Allah kehendaki akan berlaku dan semua yang tidak dikehendakiNya tidak akan berlaku. Ia pasti terjadi tetapi tidak semestinya perkara yang berlaku itu disukai atau diredhai oleh Allah kecuali apabila bergantung dengan kehendak syara' (*Iradah Ad-Diniyyah Asy-Syar'iyah*). Firman Allah Taala:

“Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberikan hidayat (petunjuk) kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam”. (Surah Al-An'am, ayat 125).

Kedua: *Iradah Ad-Diniyyah Asy-Syar'iyah*. Kehendak agama yang disyariatkan.

Iaitu mahabbah (kasih) kepada perkara yang dijadikan (menurut kehendak Allah) dan kasih kepada orang yang menerimanya serta meredhai mereka. Iradah (kehendak) ini tidak mungkin terjadi kecuali apabila bergantung dengan kehendak umum kejadian makhluk.

Firman Allah Taala:

“(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”. (Surah Al-Baqarah, ayat 185).

Iradah Kauniyyah (iaitu kehendak menjadikan semua makhluk) lebih umum secara mutlak kerana semua kehendak syara' yang terjadi adalah mengikut kehendak 'menjadikan' (*kauni*) dan bukan semua kehendak 'menjadikan' (*kauni*) terjadi mengikut kehendak syara'.

Contohnya seperti iman Saidina Abu Bakar r.a. yang ada padanya kedua-dua kehendak di atas. Manakala contoh berlakunya kehendak 'menjadikan' (*kauni*) sahaja (tanpa kehendak syara') ialah kafirnya Abu Jahal dan tidak berlakunya kehendak 'menjadikan' walaupun apa yang dikehendaki mengikut syara' ialah iman Abu Jahal.

Allah Taala walaupun telah menentukan terjadinya maksiat dan berlakunya menurut kehendak 'menjadikan' (*kauni*) tetapi tidak meredhainya menurut kehendak agama. Dia tidak menyukainya dan tidak menyuruhnya bahkan memurkainya, membencinya, menegah daripada melakukannya dan menjanjikan seksaan kepada orang yang melakukannya. Semua itu adalah daripada ketentuanNya.

Adapun ketaatan dan keimanan, Allah Taala menyukainya dan menyuruh melakukannya serta menjanjikan orang yang melakukannya dengan pahala dan balasan yang baik. Setiap penderhakaan kepada Allah Taala tidak akan berlaku tanpa kehendakNya dan tidak akan berlaku sesuatu perkara kecuali mengikut kehendakNya.

Firman Allah Taala:

“Dan Dia tidak meredhai hamba-hambaNya berkeadaan kufur”. (Surah Az-Zumar, ayat 7).

Firman Allah Taala:

"Allah tidak suka kepada bencana kerosakan". (Surah Al-Baqarah, ayat 205).

(11) SEBAB-SEBAB YANG BOLEH MENOLAK QADAR (KETENTUAN).

Allah Taala telah menjadikan kepada ketentuan ini beberapa sebab yang boleh menolak dan mengangkatnya. Seperti doa, sedekah, ubat-ubatan, berhati-hati dan bertindak secara bijaksana kerana semuanya daripada Qada' dan Qadar Allah termasuklah lemah dan rajin.

(12) MASALAH QADAR MERUPAKAN RAHSIA ALLAH TERHADAP MAKHLUKNYA.

Pendapat yang mengatakan bahawa Qadar adalah rahsia Allah pada makhluk kejadianNya terhad kepada satu aspek yang tersembunyi daripada Qadar. Hakikat terjadinya sesuatu perkara tiada yang mengetahuinya melainkan Allah dan tidak dapat diketahui oleh manusia.

Contohnya seperti Allah Taala menyesatkan, memberi hidayat, mematikan, menghidupkan, menegah atau memberi kurniaan, sebagaimana sabda Nabi s.a.w:

((إِذَا ذَكَرَ الْقَدْرَ فَأَمْسِكُوا)) . [رواه مسلم] .

"Apabila disebut tentang Qadar (ketentuan Allah) maka tahanlah diri kalian daripada bercakap (mengenalinya)". (H.R. Muslim).

Manakala perbincangan masalah Qadar dari sudut lain, iaitu dari segi penjelasan hikmahnya yang sangat besar, martabatnya, darjatnya dan kesan-kesannya adalah diharuskan untuk menjelaskannya kepada manusia dan mengetahuinya kerana Qadar adalah salah satu daripada Rukun Iman yang mesti dipelajari

dan diketahui tentangnya sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. ketika menjelaskan Rukun Iman kepada Jibrail a.s. Sabdanya:

((هذا جبريل أتاكم يعلمكم دينكم)) [رواه مسلم].

"Inilah Jibrail yang datang untuk mengajar kepada kamu agama kamu". (H.R. Muslim).

(13) HUKUM BERHUJJAH DENGAN QADAR.

Allah Taala mengetahui semua yang akan berlaku. Ia adalah perkara ghaib yang tidak sesiapa mengetahuinya kecuali Allah. Semua manusia jahil mengenainya. Oleh itu Qadar tidak boleh dijadikan hujjah oleh sesiapa. Tidak harus bagi seseorang untuk meninggalkan amalan dengan alasan bergantung kepada ketentuan yang telah ditentukan.

Qadar tidak boleh dijadikan hujjah oleh sesiapa sama ada ke atas Allah atau kepada sesama makhluk. Sekiranya seseorang boleh menjadikan Qadar sebagai hujjah bagi perbuatan jahatnya, maka tidak ada orang zalim yang boleh dikenakan hukuman, tidak ada orang kafir yang boleh diperangi, tidak boleh dijalankan hukuman dan tidak boleh menahan seseorang daripada melakukan kezaliman. Ini adalah satu kesesatan yang jelas memudharatkan agama dan dunia.

Katakanlah kepada mereka yang berhujjah dengan Qadar: 'Kamu tidak mengetahui dengan yakin sama ada kamu ini ahli syurga atau neraka. Kalau kamu mengetahuinya dengan yakin nescaya kami tidak akan menyuruh atau menegah kamu melakukan apa-apa saja, tetapi beramallah semoga Allah Taala memberi taufik kepada kamu agar menjadi ahli syurga'.

Kata sesetengah sahabat sewaktu mendengar perbincangan tentang Qadar: 'Kamu bukanlah orang yang lebih baik dalam berjihad daripada saya'.

Sabda Nabi s.a.w ketika ditanya tentang Qadar:

((اعملوا فكل ميسر لما خلق له، فمن كان من أهل السعادة فسييسر لعمل أهل السعادة،
ومن كان من أهل الشقاوة فسييسر لعمل أهل الشقاوة)).

"Beramallah! Sesungguhnya setiap orang akan dipermudahkan baginya melakukan perkara yang dijadikan untuknya. Sekiranya dia ahli syurga, dimudahkan baginya melakukan amalan orang-orang yang bertuah dan sekiranya dia ahli neraka maka dipermudahkan baginya melakukan amalan orang-orang yang celaka". Kemudian Baginda membaca ayat:

"Adapun orang yang memberikan apa-apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertakwa. Dan dia membenarkan dengan yakin akan perkara yang baik. Maka Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga). Sebaliknya orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya serta dia mendustakan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan". (Surah Al-Lail, ayat 5-10). (H.R. Al-Bukhari dan Muslim).

(14) MENGAMBIL SEBAB (YANG MENYELAMATKAN).

Perkara yang menimpa seorang hamba ada dua keadaan, perkara yang ia mempunyai jalan untuk melepaskannya maka janganlah lemah daripada berusaha untuk mengelaknya dan perkara yang tidak ada cara untuk melepaskannya maka janganlah keluh kesah menghadapinya.

Allah Taala mengetahui setiap bala bencana sebelum terjadiannya. Ilmu Allah tentangnya bukan bermakna Allah yang menimpakan bencana ke atasnya tetapi bencana itu terjadi menurut sebab-sebab yang menyebabkan terjadinya bencana. Sekiranya bencana terjadi dengan sebab kecuaian seseorang mengambil alat atau cara yang boleh menyelamatkannya daripada terkena bencana sedangkan agama menyuruhnya menggunakannya, maka kecelakaan itu terletak ke atas dirinya sendiri

kerana tidak menjaga dirinya dan tidak mencari usaha-usaha yang boleh menyelamatkannya. Sebaliknya apabila dia tidak mempunyai kemampuan untuk menolak bencana tersebut maka dia diberi keuzuran.

Mengambil sebab tidak menafikan Qadar dan tawakkal bahkan ia adalah sebahagian daripadanya. Namun apabila sesuatu ketentuan telah terjadi, maka wajiblah redha dan menyerah kepada ketentuan tersebut serta kembali kepada pesanan Rasulullah s.a.w, *"Ketentuan Allah dan setiap yang ditentukan pasti akan terjadi"*.

Adapun sebelum berlakunya sesuatu ketentuan, maka setiap *mukallaf* hendaklah mengambil langkah-langkah yang diizinkan dan menolak Qadar dengan Qadar. Semua nabi *'alaihimussalam* telah mengambil kira sebab-sebab dan cara-cara yang boleh menyelamatkan mereka daripada gangguan musuh mereka sedangkan mereka telah dibantu dengan wahyu dan dipelihara oleh Allah. Rasulullah s.a.w, penghulu orang-orang bertawakkal, telah mengambil kira sebab yang boleh menyelamatkannya sedangkan Baginda adalah orang yang paling berwakkal kepada Tuhannya.

Firman Allah Taala:

"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu". (Surah Al-Anfal, ayat 60).

Firman Allah Taala:

"Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu, mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah daripada rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula, (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)". (Surah Al-Mulk, ayat 15).

Sabda Nabi s.a.w:

((المؤمن القوي خير وأحب إلى الله من المؤمن الضعيف، وفي كل خير، احرص على ما ينفعك، واستعن بالله ولا تعجز، وإن أصابك شيء فلا تقل: لو أني فعلت كذا لكان كذا وكذا، ولكن قل: قدر الله ما شاء فعل، فإن لو تفتح عمل الشيطان)) [رواه مسلم].

“Orang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan disukai oleh Allah daripada mukmin yang lemah dan semua orang mukmin baik. Hendaklah kamu banyak melakukan perkara yang mendatangkan manfaat kepadamu. Mintalah pertolongan dengan Allah dan jangan mudah berasa lemah. Sekiranya bala menimpa kamu maka jangan kamu berkata: ‘kalaulah aku lakukan begini tentu ia akan jadi begini’ tetapi katakanlah: ‘Allah telah menentukannya dan setiap yang dikehendakinya akan dilakukannya kerana perkataan ‘*kalau*’ akan membuka peluang kepada syaitan”. (H.R. Muslim).

(15) HUKUM MENINGKARI QADAR.

Sesiapa yang mengingkari Qadar sesungguhnya dia telah mengingkari satu asas daripada asas syariat dan akan menjadi kafir.

Kata sebahagian ulama' salaf *rahimahumullah*:

“Berdebatlah dengan golongan Qadariah (orang yang menafikan qadar) dengan ilmu. Sekiranya mereka mengingkarinya, maka mereka telah kafir. Jika mereka menerimanya, mereka akan berbantah”.

(16) NATIJAH BERIMAN DENGAN QADAR.

Beriman dengan Qada' dan Qadar mempunyai natijah dan kesan yang baik yang mengembalikan kebaikan kepada ummah dan individu. Antaranya ialah:

a) Ia akan menghasilkan pelbagai jenis ibadat yang soleh dan sifat-sifat yang terpuji seperti ikhlas kepada Allah, bertawakkal kepadaNya, takutkan seksaanNya, mengharap dan berbaik sangka dengan Allah, sabar dan kuat semangat, menentang perasaan putus asa, redha dengan ketentuan Allah, mengesakan Allah dengan bersyukur kepadaNya, gembira dengan limpah kurnia dan rahmatNya, tawadhu' kepadaNya, meninggalkan sifat takbur dan bongkak, banyak memberi nafkah pada jalan Allah kerana yakin dengan Allah, berani, memadai dengan segala yang ada serta mempunyai kemuliaan diri, mempunyai semangat yang tinggi, teguh, tekun melakukan kerja, sederhana ketika susah dan senang, membersihkan diri daripada sifat hasad, murni pemikiran daripada perkara khurafat dan karut dan mempunyai jiwa yang aman serta pemikiran yang tenang.

b) Orang yang beriman dengan Qadar, hidup di atas landasan yang betul. Nikmat tidak menjadikannya seorang yang sombong. Dia tidak berputus asa dengan musibah yang menimpa. Dia yakin bahawa musibah yang menimpanya adalah dengan ketentuan daripada Allah untuk mengujinya dan tidak mudah melenting bahkan bersabar dan mengharapkan pahala daripada Allah Taala.

c) Beriman dengan Qadar boleh menjaganya daripada anasir kesesatan dan kesudahan yang tidak baik '*Su' al-khatimah*', kerana dia sentiasa berusaha untuk terus beristiqamah dan memperbanyakkan amalan yang soleh serta menjauhi perbuatan maksiat dan perkara-perkara yang membinasakan.

d) Beriman dengan Qadar menjadikan seorang mukmin mampu menghadapi bencana dan kesusahan dengan hati yang teguh serta keyakinan yang penuh dan terus melakukan sebab-sebab yang boleh menyelamatkannya. Sabda Nabi s.a.w:

((عَجَباً لَأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ لَهُ خَيْرٌ ، وَلَيْسَ ذَلِكَ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ ، إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْراً لَهُ ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْراً لَهُ)) .
[رواه مسلم]

“Sungguh pelik keadaan orang mukmin. Semua perkara adalah baik baginya. Tidak terjadi perkara yang demikian kecuali untuk orang mukmin. Sekiranya dia mendapat perkara yang baik, dia bersyukur, maka syukur itu lebih baik baginya. Sekiranya ditimpa kesusahan, dia bersabar, maka sabar itu lebih baik baginya”. (H.R. Muslim).

* * *

وصلى الله على نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين،
وأخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين.

Penterjemah:

Abu Anas Madani,

Abdul Basit bin Abdul Rahman.

Madinah. 20 –11-1422H.

(dengan sedikit ubahsuai oleh www.darulkaustar.net)